



MMEA
AGANSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI

LAPORAN TAHUNAN 2013



MENGAWAL | MELINDUNG | MENYELAMAT
Kami serius melaksanakannya!



MAKLUMAT KORPORAT

Pengurusan Tertinggi	6
Carta Organisasi	8
Visi, Misi	10
Kronologi	10

KEAMANAN DAN KESELAMATAN

Penguatkuasaan Undang-Undang	14
Kejayaan Operasi	18
Kes Berprofil Tinggi	20
Lain-lain Kes	21
Pengoperasian ESSCOM	23
Pengawasan SWASLA	24

KEUPAYAAN DAN KESIAPSIAGAAN

Aset Alih	32
Kesiagaan Operasi	33
Aset Tidak Alih (Bangunan dan Infrastruktur)	35

PENGURUSAN KAPASITI

Pengurusan Modal Insan	38
Pembangunan Infostruktur	50
Pengurusan Teknologi Maklumat (Aset Maya)	
Pengurusan Pelanggan & Komunikasi	56
Pengurusan Aduan Awam	58

JARINGAN KERJASAMA

Aktiviti Dalam Negara	62
Aktiviti Luar Negara	65

HALA TUJU

IMBASAN 2013	72
--------------	----



Perutusan Ketua Pengarah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Atas limpah kurnia dan rahmatNYA dengan penuh tawadhu' saya melafazkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT yang telah meletakkan segala kemudahan dan kelancaran pelaksanaan sasaran kerja tahunan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi tahun 2013.

Status pencapaian tahunan APMM di dalam industri penguatkuasaan dan keselamatan maritim merupakan batu asas penting kepada rakyat dan negara kita ini yang sentiasa mengharapkan keupayaan agensi-agensi kerajaan bagi memelihara kepentingan negara secara berterusan.

Sekali lagi prestasi tahun 2013 telah mempamerkan kesungguhan APMM meletakkan indeks pematuhan undang-undang pelanggan di tahap yang tinggi. Selain mengukuhkan strategi operasi dan sistem penguatkuasaan di semua Wilayah dan Daerah Maritim, APMM juga telah meningkatkan tindakan *preventive* menerusi aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah yang melibatkan kumpulan sasar di kalangan komuniti maritim. Ternyata pendekatan tersebut telah memberi kesedaran sikap dan membimbing pelanggan untuk bekerjasama menghindari jenayah di laut. Situasi itu juga banyak dipengaruhi oleh kepantasan proses siasatan dan pendakwaan ke atas kes-kes berprofil tinggi yang turut memberi impak besar kepada usaha mencegah perlakuan jenayah.

Umumnya strategi operasi 2013 berjaya mengurangkan risiko jenayah terutamanya kegiatan rompakan dan pelanunan di atas kapal-kapal dagang yang melalui Selat Melaka. Namun, jenayah seperti penyeludupan, pencerobohan dan pelanggaran syarat lesen masih sukar dibendung sepenuhnya selagi terdapat permintaan di kalangan pengguna.

Indeks pengurangan kehilangan nyawa dan harta benda pula dilihat semakin baik menerusi sistem komunikasi yang pantas dan kemahiran anggota-anggota penyelamat. Penyenaraian APMM di dalam sistem MERS 999, pelaksanaan latihan SAREX bersama agensi-agensi kerajaan berkaitan secara konsisten dan pelaksanaan program khidmat komuniti yang menyeluruh telah meningkatkan lagi nilai tambah kepada kepantasan bertindak pasukan-pasukan penyelamat.

Berdasarkan pencapaian 2013, APMM telah menetapkan hala tuju 2014 yang memberi fokus kepada pengisian perjawatan, perolehan aset, infrastruktur dan infostruktur bersesuaian dengan unjuran dan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan bagi memenuhi keperluan agensi dalam mendukung misi Maritim Malaysia.

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga APMM untuk meneruskan kecemerlangan perkhidmatan dan sentiasa melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan ikhlas dan dedikasi berteraskan kepada budaya maritim serta nilai-nilai individu dan organisasi.

Terima kasih.

DATUK MOHD AMDAN BIN KURISH
LAKSAMANA MARITIM



MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUSAN TERTINGGI

AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA



1. **KETUA PENGARAH**
LAKSAMANA MARITIM DATUK MOHD AMDAN BIN KURISH
2. **TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)**
LAKSAMANA MADYA MARITIM DATO' AHMAD PUZI
BIN AB KAHAR
3. **TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)**
ENCIK SAMSUNI BIN MOHD NOR
4. **TIMBALAN KETUA PENGARAH (LOGISTIK)**
LAKSAMANA MUDA MARITIM DATO' MOHD KHALID
BIN LENGANG



**KETUA PENGARAH
UTAMA A (TERBUKA)
LAKSAMANA MARITIM
DATUK MOHD AMDAN BIN KURISH**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM UTAMA B
LAKSAMANA MADYA MARITIM
DATO' AHMAD PUZI BIN AB KAHAR**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH (LOGISTIK)
PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM UTAMA C
LAKSAMANA MUDA MARITIM
DATO' MOHD KHALID BIN LENGANG**

**STESEN UDARA SUBANG
KEPTEN MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
NORHAIZAD BIN ISMAIL**

**SWASLA LUMUT
KEPTEN MARITIM X24
KOMANDER MARITIM
ZIN AZMAN BIN MD YUNUS**

**SWASLA SABAH
KEPTEN MARITIM X24
KOMANDER MARITIM
MOHD ZAWAWI BIN ABDULLAH**

**CAWANGAN PENYELARASAN PENGUATKUASAAN MARITIM
KEPTEN MARITIM X24
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' PAHLAWAN MOHD RAHSID BIN HARUN**

**CAWANGAN SIASATAN JENAYAH
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' ZULKIFLI BIN ABU BAKAR**

**CAWANGAN PERISIKAN
KEPTEN MARITIM X24
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATUK ZAINAL ABIDIN BIN IBRAHIM**

**CAWANGAN PENGUATKUASAAN & EKSESAIS
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM X 26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' CHE HASAN BIN JUSOH**

**CAWANGAN OPERASI UDARA
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM X 26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' ZAMMANI BIN MOD AMIN**

**CAWANGAN CARILAMAT DAN BANTUAN BENCANA
KEPTEN MARITIM X24
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
MUHAMMAD ABDUL BASAR BIN TAJI**

**CAWANGAN C3I
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM X26
KEPTEN MARITIM
HAMID BIN HAJI MOHD AMIN**

**CAWANGAN BANTUAN PERTAHANAN
KOMANDER MARITIM X22
LEFTENAN KOMANDER MARITIM
SALEHUDDIN BIN ZAKARIA**

**CAWANGAN KEJURUTERAAN
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM X26
KEPTEN MARITIM
OSMAN BIN MOHAMMAD**

**CAWANGAN BEKALAN
KEPTEN MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
ZAININ BIN ABDUL MAJID**

**CAWANGAN BANGUNAN & ASET
KEPTEN MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
SAIFUL LIZAN BIN IBRAHIM**

**CAWANGAN PENGURUSAN PROJEK
KEPTEN MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
ABDUL RAHIM BIN ABDULLAH**

**CAWANGAN ANGKUT
KEPTEN MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
IR ABANG JAMARI BIN SALIM**

CARTA ORGANISASI

AGensi PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)
PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK UTAMA C
ENCIK SAMSUNI BIN MOHD NOR

CAWANGAN PENTABDIRAN DAN KEURUSETIAAN
PTD M54
ENCIK GHANI BIN MAT

CAWANGAN PERANCANGAN STRATEGIK
KEPTEN MARITIM X 24
KEPTEN MARITIM
HJ MAMU BIN SAID ALEE

WILAYAH MARITIM UTARA
LAKSMANA PERTAMA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
TAN KOK KWEE

CAWANGAN SUMBER MANUSIA
PTD M54
TUAN HAJI MD MISRON BIN HAJI YUSUF

PASUKAN TINDAKAN KHAS DAN PENYELAMAT
KOMANDER MARITIM X 22
KOMANDER MARITIM
CHE ADNAN BIN MOHD ISA

WILAYAH MARITIM SELATAN
LAKSMANA PERTAMA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
HAJI ADON BIN HAJI SHAHLAN

CAWANGAN PEROLEHAN
PTD M48
ENCIK JAMES ANAK MATHEW LIDI

CAWANGAN NAZIRAN DAN AUDIT
PTD M54
ENCIK OMAR BIN MOKHTAR

WILAYAH MARITIM TIMUR
LAKSMANA PERTAMA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' NASIR BIN ADAM

CAWANGAN KEWANGAN & BELANJAWAN
PTD M54
TUAN HAJI ABU HASSAN BIN SAID

CAWANGAN UNDANG-UNDANG
PUU L54
PUAN IDAH BINTI ISMAIL

WILAYAH MARITIM SARAWAK
LAKSMANA PERTAMA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
ISMAILI BIN BUJANG PIT

CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F54
ENCIK MUSTAFA BIN ABDULLAH

PUSAT LATIHAN AKADEMI MARITIM MALAYSIA
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
MOHD TAHA BIN IBRAHIM

WILAYAH MARITIM SABAH & LABUAN
LAKSMANA PERTAMA MARITIM X26
KEPTEN MARITIM
WAN AFFANDI BIN WAN AHMAD

Visi

“Menjadi antara agensi penguatkuasaan maritim yang terbaik di dunia”

Misi

“Menguatkuasakan undang-undang serta menyelamatkan nyawa dan harta benda di laut bagi memastikan kesejahteraan perairan negara”

Kronologi Penubuhan APMM

Tarikh	Perkara
21 April 1999	Kajian bagi mewujudkan sebuah agensi Coast Guard di Malaysia.
21 Ogos 2002	Kabinet telah meluluskan penubuhan APMM.
16 April 2003	Tim Nukleus ditubuhkan dan ditugaskan untuk menjalankan segala usaha yang perlu bagi mewujudkan APMM.
15 Februari 2005	Akta APMM (Akta 633) dikuatkuasakan.
10 Oktober 2005	Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan majlis memperkenalkan APMM.
30 Oktober 2005	APMM memulakan operasi di Zon Maritim Malaysia.
21 Mac 2006	APMM telah dilancarkan secara rasmi oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Piagam Pelanggan

Maritim Malaysia adalah sebuah agensi keselamatan yang ditubuhkan untuk menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan Zon Maritim Malaysia. Agensi juga bertanggungjawab mengkoordinasikan tugas mencari dan menyelamat maritim.

Selaras dengan fungsi yang ditetapkan, kami berjanji akan memberikan perkhidmatan berikut:

- Sekurang-kurangnya 7 vesel beroperasi di laut pada setiap hari di Wilayah Maritim;
- Menggerakkan aset tersedia dalam tempoh 30 minit daripada penerimaan aduan atau permohonan bantuan;
- Berada di lokasi dalam masa 2 jam selepas menerima panggilan kecemasan maritim;
- Memberi laporan status penyiasatan kesalahan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penerimaan permintaan; dan
- Memberi maklum balas aduan awam dalam tempoh 15 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan.

Fungsi dan Tanggungjawab

1. Menguatkuasakan undang-undang dan ketenteraman di bawah mana-mana undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia;
2. Melaksanakan tugas mencari dan menyelamat maritim di Zon Maritim Malaysia dan di lautan lepas;
3. Mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan di Zon Maritim Malaysia;
4. Memberikan bantuan dalam apa-apa perkara jenayah atas permintaan negara asing sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Bantuan bersama dalam perkara Jenayah 2002 (Akta 621);
5. Menjalankan pengawasan udara dan pantai;
6. Menubuhkan dan menguruskan institusi maritim bagi latihan pegawai Agensi;
7. Melaksanakan apa-apa kewajipan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan maritim atau melakukan segala perkara yang bersampingan dengannya;
8. Di lautan lepas;
 - Melaksanakan tugas mencari dan menyelamat maritim;
 - Mengawal dan mencegah pencemaran maritim di lautan lepas;
 - Mencegah dan menyekat pelanunan serta mencegah dan menyekat; dan
 - pengedaran haram dadah narkotik.
9. Semasa darurat krisis khas atau perang, agensi ini atau mana-mana bahagian agensi diletakkan di bawah kawalan perintah am Angkatan Tentera Malaysia

Moto

“Mengawal,
Melindung dan
Menyelamat”







KEAMANAN & KESELAMATAN

Penguatkuasaan Undang-Undang

Berasaskan cabaran semasa, Maritim Malaysia sentiasa memberi tumpuan kepada jenayah-jenayah yang membabitkan kes-kes rompakan/pelanun dan jenayah berbentuk rentas sempadan yang dilihat boleh memberi ancaman serius kepada tahap keselamatan dan kesejahteraan perairan negara. Tindakan ini berpunca daripada iltizam Maritim Malaysia untuk mewujudkan perairan yang selamat dan harmoni bagi membantu kerajaan merangsang persekitaran ekonomi yang kondusif dalam menjamin perkembangan ekonomi yang positif.

Sebelum Maritim Malaysia diwujudkan pada 15 Februari 2005, kes-kes rompakan kapal dagang khususnya di Selat Melaka telah mencatatkan jumlah yang membimbangkan di kalangan penganalisis keselamatan dan ekonomi. Sebanyak 38 kes rompakan dilaporkan berlaku pada 2004, namun jumlah itu menurun dengan ketara apabila aset-aset Maritim Malaysia memperagakan kehadiran di Zon Maritim Malaysia dan memulakan tindakan menguasai penguatkuasaan di titik-titik panas. Pada 2009 hingga 2013 tiada kes rompakan dilaporkan berlaku kecuali dua kes berlaku pada 2011 yang mana kesemua perompak berjaya ditangkap dan didakwa di negara ini.


Penguatkuasaan Maritim Malaysia terhadap kes-kes penyeludupan seperti barang-barang kawalan, pasir, minyak diesel dan petrol bersubsidi serta rokok terus dipertingkatkan memandangkan kes-kes seperti ini mampu menyumbang kepada suasana ekonomi tempatan yang tidak stabil. Sehingga bulan Disember 2013, Maritim Malaysia telah mengutip hasil lebih RM258.9 juta menerusi kompaun, lelong, denda dan pelupusan serta menyelamatkan lebih 1.2 juta liter diesel/petrol yang bernilai lebih RM2.4 juta.

Kadar Jenayah Maritim

Prestasi keseluruhan operasi penguatkuasaan Maritim Malaysia pada tahun 2013 telah menunjukkan peningkatan yang baik khususnya menerusi statistik kadar jenayah maritim. Statistik menunjukkan kadar peratusan jenayah dapat dikurangkan sebanyak 45 peratus yang mana kadar 48.06 peratus pada 2006 telah berjaya diturunkan kepada 2.5 peratus pada 2013. Penurunan kadar tersebut adalah berikutan daripada pelan strategi dan inisiatif yang telah dirangka sejak awal bulan Januari 2013 iaitu selepas prestasi 2012 dibuat penilaian semula.




Kadar Peratusan Jenayah Maritim 2006-2013



Sebanyak 22,474 pemeriksaan telah dilaksanakan di seluruh perairan Malaysia dengan mencatatkan rekod 688 tangkapan yang meliputi pelbagai kesalahan. Peningkatan penguatkuasaan itu juga telah menghasilkan 97.5 peratus kadar pematuhan undang-undang iaitu satu pencapaian yang tinggi di kalangan komuniti maritim berbanding cabaran-cabaran yang dihadapi.

Statistik Pemeriksaan Mengikut Wilayah Maritim



Pencerobohan Bot Nelayan Asing (BNA)

Sebanyak 61 buah Bot Nelayan Asing ditangkap kerana melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di Zon Maritim Malaysia. Semua kes tangkapan BNA telah dibawa ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman. Jadual menunjukkan bot nelayan Vietnam mencatatkan penahanan tertinggi iaitu sebanyak 33 kes diikuti bot nelayan Indonesia 25 kes dan bot nelayan Thailand sebanyak tiga kes.



STATISTIK TANGKAPAN BOT NELAYAN ASING

PERAIRAN	INDONESIA	THAILAND	VIETNAM	KES	JUMLAH OKT
SELAT MELAKA	25	1	0	26	118
S E L A T A N JOHOR		0	3	3	33
PANTAI TIMUR	0	1	27	27	305
SARAWAK		1	1	2	10
SABAH		0	2	3	29
JUMLAH	25	3	33	61	495

Statistik Rompakan Di Zon Maritim Malaysia


Analisa kes rompakan menunjukkan kebanyakan kes rompakan yang berlaku disiasat di bawah Akta 391 Kanun Keseksaan iaitu rompak secara berkumpulan yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara 20 tahun dan sebatan. Selain itu, kes ini juga disiasat di bawah Akta 397 Kanun Keseksaan iaitu rompak dengan bersenjata atau rompak serta mencuba menyebabkan kematian atau cedera parah.

STATISTIK ROMPAKAN DI ZON MARITIM MALAYSIA

PERAIRAN	ROMPAKAN
SELAT MELAKA	0
SELATAN JOHOR	4
LAUT CHINA SELATAN	3
SABAH	1
SARAWAK	2
JUMLAH	10



Statistik Rompakan di Zon Maritim Malaysia



Hampir 50% kes rompakan berlaku di perairan selatan Johor. Kawasan ini merupakan *hotspot* yang telah dikenalpasti. Rondaan kapal dan bot juga lebih tertumpu di kawasan ini. Operasi khas telah dilaksanakan bersama Pasukan Tindakan Khas dalam mengawal dan memantau kejadian ini.

Kejadian rompakan dilakukan secara berkumpulan yang mana kumpulan telah memerhatikan sasaran, masa, dan tempat sebelum bertindak merompak kapal atau barj yang sedang bergerak dengan menggunakan bot laju. Daripada beberapa kes yang dilaporkan menunjukkan kebanyakan perompak berasal dari negara jiran di bahagian selatan Semenanjung Malaysia. Perompak-perompak dikenalpasti menggunakan kekerasan berdasarkan kecederaan yang dialami oleh kru kapal/bot yang dirompak.

Di perhatikan sindiket telah membuat perancangan teliti dengan penglibatan pihak dalaman yang membekalkan maklumat-maklumat penting seperti isi kandungan kontena, kedudukan dan waktu pelayaran. Trend rompakan seumpama ini juga disyaki mempunyai kaitan dengan tuntutan insurans. Oleh itu, siasatan APMM juga turut meliputi penglibatan kru-kru kapal itu sendiri.



Kejayaan Operasi

Pada tahun 2013, terdapat beberapa kes rompakan yang berlaku di Laut China Selatan, Johor, Sarawak dan Sabah tetapi ianya adalah terkawal. Malah dua kes rompakan ke atas vesel nelayan tempatan dari Pantai Remis, Perak berjaya ditangani dengan kerjasama Polis Air Republik Indonesia. Bot-bot terbabit berjaya ditemui dan dikembalikan kepada nelayan terlibat, manakala perompak-perompak telah menjalani pendakwaan dan hukuman di negara asal.

Kerjasama Maritim Malaysia dan Polis Air Republik Indonesia mengendalikan dua kes rompakan bot nelayan tempatan Malaysia adalah hasil daripada pembentukan jalinan kerjasama *Memorandum of Understanding (MOU)* di antara Majlis Keselamatan Negara dan BAKORKAMLA di peringkat strategik. Kerjasama ini diperkukuhkan lagi menerusi rancangan dan pelaksanaan operasi penguatkuasaan oleh kedua-dua agensi penguatkuasaan maritim Malaysia dan Indonesia dalam membanteras jenayah rompakan dan lain-lain jenayah rentas sempadan.



Kerjasama Maritim Malaysia dan Polis Air Republik Indonesia



Kes pencerobohan bot nelayan asing dan pendatang tanpa izin turut menjadi perhatian penguatkuasaan APMM, kerana ianya boleh memberi persepsi negatif terhadap kestabilan keselamatan negara selain menyebabkan pendapatan nelayan tempatan terjejas. Dari tahun 2006 sehingga kini sebanyak 636 buah BNA dan 4,929 orang pendatang tanpa izin (PATI) telah berjaya ditahan.

137 warganegara Rohingya dalam keadaan lesu dan kelaparan ditahan di perairan Pulau Pinang pada 14 Mac 2013



Siasatan Jenayah Maritim

Pasukan Forensik Maritim Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 2011 telah memberi perkhidmatan yang signifikan kepada proses siasatan khususnya di dalam kes-kes rompakan, penyeludupan dadah dan beberapa kes jenayah yang lain. Kepakaran forensik merupakan salah satu pembangunan keupayaan siasatan untuk membantu keberkesanan proses siasatan dan pendakwaan yang kian mencabar.

Jadual di bawah menunjukkan siasatan yang dikendalikan oleh pasukan ini sejak tahun 2011.

BIL	CRIME SCENE	SUSPEK	HUKUMAN
1	KAPAL DAGANG MT STAR EMERALD MT NASICO EAGLE	Nguyen Phu Anh menetak mangsa	Mengaku bersalah
2.	KAPAL DAGANG MT MANY ONE	Perompak merompak di bilik kapten	Masih dalam siasatan
3.	KAPAL DAGANG MT SAMUDERA	Kebakaran di bilik enjin utama bocor di turbo charger	Kes ditutup. Mayat dihantar ke hospital
4.	BOT TUNDA MT YIEW SOON	Perompak mengumpul kontena	Masih dalam siasatan
5.	MT DANAI 4	Perompak merompak peralatan navigasi, USD 4000, barangan peribadi dan 1900 000 liter minyak	Masih dalam siasatan

Sebahagian *crime scene* dan barang kes yang disiasat oleh Pasukan Forensik Maritim Malaysia bersabit laporan polis PASIR GUDANG 008317/13 dan TIOMAN 000461/13



Kes Berprofil Tinggi

Aktiviti penyeludupan merupakan aktiviti jenayah yang kerap berlaku di keseluruhan Zon Maritim Malaysia. Sebanyak 71 kes penyeludupan telah berjaya disiasat dan di antara barang yang diseludup adalah seperti dadah, rokok, minuman keras, minyak diesel/petrol bersubsidi dan lain-lain barang kawalan yang terlarang.

Selain barangan, manusia/orang juga tidak terkecuali menjadi mangsa pemerdagangan dan terlibat sebagai subjek penyeludupan khasnya di bawah Akta ATIPSOM 2007. Jenayah ini banyak melibatkan sindiket yang menjadikan warga negara Timur Tengah seperti Afganistan, Iran, Pakistan dan Iraq sebagai sasaran khidmat mereka. Sehubungan itu, terdapat juga beberapa kes yang melibatkan pelarian warga Rohingya terutamanya di perairan Utara Malaysia yang memasuki secara beramai-ramai.

Maritim Malaysia juga dapat menghidu kegiatan jenayah oleh kapal-kapal yang aktif melakukan aktiviti *Ship To Ship Transfer (STS)* terutamanya di Selatan Johor. Sindiket kapal yang terlibat bukan sahaja didaftarkan di dalam negara malah dari pelbagai negara yang cuba mengambil kesempatan terhadap kemudahan dan persaingan harga pasaran semasa.

Lain-Lain Kes

ATIPSOM dan PATI

Kes penyeludupan 47 PATI warganegara Indonesia di perairan Tg. Sedili pada 17 April 2013




Penyeludupan

Kes penyeludupan rokok di perairan Linggi pada bulan April 2013



DM4 Klang gagalkan cubaan menyeludup masuk lebih kurang 4,500 karton rokok putih di perairan Sepang pada 21 Mac 2013



Dadah

Kes tangkapan penyeludupan dadah di DM 5 Linggi pada 28 Mac 2013. Sebanyak 46 bungkus pil lebih kurang 46 kilogram disyaki dadah jenis ecstasy telah berjaya dirampas.




Rompakan


Laci kabin telah dikopek oleh perompak



Cable tight yang digunakan untuk mengikat mangsa



Gambar kontena yang telah dipecahkan oleh perompak



Pengoperasian ESSCOM

Selapas ESSCOM ditubuhkan, komponen Maritim Malaysia telah diletakkan di bawah Markas Angkatan Bersama (ATB2) – Angkatan Tentera Malaysia iaitu di dalam komponen maritim. Ibu pejabat Maritim Malaysia di Putrajaya telah merangka pelan tindakan bagi mengoperasikan beberapa aset yang berada di Sabah Timur untuk melaksanakan tugas dan operasi yang diselia oleh ESSCOM.



Pengisian perjawatan pegawai-pegawai Maritim Malaysia di dalam ESSCOM adalah secara pentadbiran melibatkan lapan pegawai dan 16 pegawai LLP. Selain itu, tujuh kapal dan tujuh bot Maritim Malaysia ditugaskan di bawah Ketua Komponen Maritim ESSCOM yang terdiri daripada sebuah kapal *Offshore Patrol Vessel (OPV)* dan enam kapal Kelas Gagah, serta empat bot Pengawal dan 3 bot Kilat. Kesemua aset ini diaturgerak di sepanjang perairan ESSZONE.

Bagi melancarkan pengoperasian Maritim Malaysia, pembangunan beberapa pejabat telah dipercepatkan iaitu Pejabat DM Kudat, Pangkalan Maritim Semporna dan lima Pos APMM iaitu Pos Jambongan, Beluran, Felda Sahabat, Kunak, dan Inderasabah.

Peranan Komponen Maritim Malaysia ESSCOM

Maritim Malaysia bersama komponen maritim ESSCOM bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan dan keselamatan kawasan tanggungjawab (KTJ) daripada sebarang bentuk pencerobohan dengan tujuan:

- Memelihara kedaulatan negara daripada dicerooh.
- Mengekalkan keamanan dan stabiliti.
- Mewujudkan batas pertahanan dari Kudat hingga ke Tawau dari sebarang ancaman keselamatan.
- Menghapuskan sebarang ancaman; semasa mahupun mendatang.

Tugas komponen Maritim Malaysia meliputi perkara-perkara berikut:

- Memperaga kehadiran di KTJ dalam mewujudkan *visual deterrence*.
- Memeriksa semua vesel yang keluar masuk perairan KTJ dan melakukan penguatkuasaan ke atas sebarang kesalahan yang berlaku termasuk orang yang disyaki penganas.
- Melaksanakan pengawasan udara dalam membantu memperkasakan keberkesanan operasi maritim.
- Membantu ATM/agensi keselamatan dalam menerima dan menyiasat kes-kes tangkapan yang diserahkan kepada APMM.
- Menyediakan perkhidmatan platform kepada agensi keselamatan yang memerlukan bantuan platform dalam operasi mereka.
- Membangunkan maklumat risikan.

Peranan Maritim Malaysia Dalam OP DAULAT

OP DAULAT dan OP SERKAP adalah operasi di daratan yang dikendalikan oleh PDRM dan ATM. Maritim Malaysia bersama unsur ATB2 melaksanakan tugas mewujudkan batas pertahanan dari perairan Kudat hingga ke Tawau dari sebarang ancaman keselamatan berlandaskan OP PASIR LAUT dan OP PLUTO TIMUR dalam membantu OP DAULAT dan OP SERKAP. Di samping itu, Maritim Malaysia melaksanakan pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas semua vesel yang keluar masuk perairan KTJ dan melakukan penguatkuasaan ke atas sebarang kesalahan yang berlaku, melaksanakan pengawasan udara, menyiasat kes-kes tangkapan yang diserahkan kepada Maritim Malaysia, menyediakan perkhidmatan platform kepada agensi keselamatan dan membangunkan maklumat risikan.

Operasi di Lahad Datu



Pengawasan SWASLA

SWASLA adalah Pusat Pengawasan Utama dalam aspek keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang maritim negara di Selat Melaka. Pusat ini melaksanakan pengawasan dengan mengesan, menganalisis dan menyalurkan maklumat aktiviti maritim melalui sistem maklumat yang berkesan bagi kawasan perairan maritim sepanjang Selat Melaka. Ia merupakan satu rangkaian sistem yang terdiri dari Pusat Kawalan Induk (MCC) di Lumut, tiga buah Pusat Kawalan Daerah (ACC) masing-masing di Langkawi, Pelabuhan Klang dan Tanjung Piai, Pontian, Johor serta merangkumi sembilan buah tapak radar (RSS).

Pengesanan Sasaran Curiga

Sebanyak 527 pengesanan sasaran curiga melalui radar-radar yang terdapat di sepanjang perairan Selat Melaka telah direkodkan dan analisa keseluruhan sasaran curiga bagi tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah.

Statistik Keseluruhan Pengesanan Sasaran Curiga Mengikut Kawasan Bagi Tahun 2013

BULAN / TEMPAT	MCC	ACC LGKWI	ACC KLG	ACC JHR	JUMLAH
JAN	7	2	40	39	88
FEB	5	12	20	20	57
MAC	7	3	26	24	60
APR	2	2	3	18	25
MEI	2	3	12	17	34
JUN	0	0	8	18	26
JULAI	8	1	11	24	44
OGOS	0	0	1	26	27
SEP	0	2	4	30	36
OKT	2	3	12	26	43
NOV	4	2	4	24	34
DIS	14	0	9	30	53
JUMLAH	51	30	150	296	527

Analisa juga telah direkodkan mengikut pecahan Daerah Maritim berdasarkan tindakan yang diambil ke atas maklumat yang disalurkan bagi tahun 2013. Sebanyak 307 maklumat sasaran curiga telah diambil tindakan daripada jumlah keseluruhan pengesanan curiga yang disalurkan. Maklumat sasaran curiga yang diambil tindakan adalah apabila aset bergerak ke lokasi sasaran curiga.

Pengesanan Sasaran Curiga Mengikut Sasaran

Berdasarkan pemerhatian, 475 adalah sasaran curiga yang telah dikenalpasti. Pemerhatian dibuat berdasarkan catatan yang direkodkan daripada kaedah pengesanan melalui kamera RSS, penglibatan aset APMM dan menggunakan sistem *Vessel Tracking System (VTS)*. Pecahan keseluruhan sasaran curiga dikenalpasti mengikut jenis sasaran bagi tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah.

Statistik Keseluruhan Pengesanan Sasaran Curiga Mengikut Jenis Sasaran Bagi tahun 2013

BIL	JENIS SASARAN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
1	Bot Tunda	1	3	4	0	0	1	3	13	1	0	0	0	26
2	BPT/Nelayan	12	9	6	8	6	3	4	4	3	2	2	0	59
3	Kapal Dagang	17	10	5	5	4	0	2	0	0	13	7	5	68
4	Bot Laju	30	22	25	7	9	6	13	4	9	13	12	11	161
5	Bot Barter Trade	3	0	1	1	0	0	3	0	1	0	0	4	13
6	Bot Pancung	12	9	13	2	13	5	6	1	2	10	2	17	92
7	Nelayan Asing	0	2	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	3
8	Agensi Luar	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
9	Feri	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
10	Lima Sore	2	0	1	0	0	4	2	1	0	4	5	1	20
11	Teksi Air	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
12	Lain-Lain	1	0	0	0	0	5	4	4	16	1	0	0	31
13	Tidak Kenalpasti	9	2	4	1	2	2	7	0	4	0	6	15	52

Sasaran curiga jenis Bot Laju kerap dilaporkan dan mencatatkan pengesanan sebanyak 161 sasaran. Ia diikuti dengan sasaran jenis Bot Pancung sebanyak 92 dan 68 Kapal Dagang. Selain itu, pengesanan sasaran jenis Kapal Dagang kerap berlaku di sekitar perairan Tanjung Piai dan Kukup. Kekerapan kesalahan yang dikenalpasti berlaku di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1982 (MSO) iaitu bersauh tanpa kebenaran, tidak memaklumkan ketibaan dan tidak membayar dius api. Kebanyakan Kapal Dagang bersauh di sekitar perairan Tanjung Piai dan Pengerang. Kawasan ini disyaki sering dijadikan kawasan untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang. Terdapat dua buah Kapal Dagang telah ditahan kerana melakukan aktiviti 'bunkering' tanpa kebenaran di kawasan perairan Tanjung Piai.


Taburan Pengesanan Sasaran Curiga

Analisa taburan pengesanan sasaran curiga menunjukkan sasaran curiga banyak dikesan di kawasan Tanjung Penyusop sehingga Tanjung Pengelih dan juga kawasan di sekitar Tanjung Gabang dan Tanjung Sepat. Kebanyakan sasaran curiga di sekitar Tanjung Gabang dan Tanjung Penyusop dikesan pada sebelah malam. Kekerapan maklumat awal yang diperolehi menunjukkan sasaran adalah dari jenis Bot Laju dan Bot Pancung yang bergerak melintasi pertengahan 'Traffic Scheme System' (TSS) menuju ke perairan negara dan dari perairan Tanjung Belata, Indonesia menuju perairan negara.

Di kawasan perairan Tanjung Piai dan Kukup, kebanyakan sasaran curiga yang dikesan adalah jenis Kapal Dagang dan kerap dikesan pada waktu siang. Kebanyakan Kapal Dagang yang berada di kawasan ini sering melakukan aktiviti yang melanggar Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (MSO).

Terdapat juga sasaran curiga dikesan di sekitar Batu Pahat yang kebanyakannya adalah jenis Barter Trade. Pemeriksaan lebih kerap perlu dilakukan oleh aset-aset APMM kerana terdapat kemungkinan Barter Trade yang melalui kawasan ini membawa barang-barang terlarang untuk dibawa masuk ke Malaysia.

Taburan Sasaran Curiga Kawasan Utara



Taburan Sasaran Curiga Kawasan Barat



Taburan Sasaran Curiga Kawasan Selatan



Pergerakan Bot Laju juga kerap dikesan di kawasan perairan Tanjung Gabang dan Tanjung Sepat. Kawasan ini seringkali dijadikan laluan masuk penyeludup dari negara Indonesia untuk membawa masuk rokok dan dadah terlarang. Sasaran curiga ini kerap dikesan pada lewat petang sekitar jam 1900H sehingga 0500H. Kebanyakannya dikesan ketika air laut sedang pasang dan ketika air laut sedang surut. Penyeludup sering menggunakan tonto-tonto yang menyamar sebagai nelayan di laut untuk mengaburi pengesanan radar.

Modus operandi yang kerap digunakan oleh Bot Laju yang dipercayai penyeludup adalah berlegar di sekitar TSS bersama tonto-tonto mereka sebelum memcut masuk menuju ke perairan Malaysia.




Tangkapan SWASLA

Sebanyak 37 kes tangkapan berjaya dilakukan hasil daripada maklumat yang disalurkan oleh Swasla Lumut yang dapat membantu Daerah-Daerah Maritim untuk menangani aktiviti perlanggaran undang-undang. Jadual di bawah menunjukkan statistik tangkapan sepanjang tahun 2013.

Statistik Keseluruhan Tangkapan Bagi tahun 2013

TEMPAT BULAN	MCC	ACC LANGKAWI	ACC KLANG	ACC JOHOR	JUMLAH
JANUARI	1	0	2	5	8
FEBRUARI	0	0	1	0	1
MAR	1	1	7	0	9
APRIL	0	0	0	2	2
MEI	0	3	0	2	5
JUN	0	0	1	2	3
JULAI	0	1	1	1	3
OGOS	0	0	0	0	0
SEPTEMBER	0	1	0	1	2
OKTOBER	0	0	1	0	1
NOVEMBER	0	2	0	0	2
DISEMBER	0	0	0	1	1
JUMLAH	2	8	13	14	37

Taburan Kawasan Tangkapan



Perairan Johor Timur







KEUPAYAAN & KESIAPSIAGAAN

Aspek keupayaan dan kesiagaan bagi aset-aset operasi amat penting dalam menentukan strategi dan pendekatan dalam melakukan penguatkuasaan dan carilamat. Rangkaian aset yang tersusun, saling melengkapi dan sentiasa dalam keadaan sedia akan memudahkan pelaksanaan sesuatu arahan apabila terdapatnya aduan atau panggilan kecemasan. Aset operasi terbahagi kepada dua iaitu aset alih dan aset tidak alih (bangunan dan infrastruktur)

Aset Alih

Kapal dan Bot

Sehingga 31 Disember 2013, Maritim Malaysia mempunyai 249 buah kapal dan bot di semua Wilayah, Pangkalan dan Daerah. Terbaharu, Maritim Malaysia menerima 8 buah bot baru jenis PENGKALANG yang dibina oleh Syarikat Dalac Marine Sdn.Bhd yang diperolehi secara berperingkat. Bot-bot PENGKALANG tersebut ditempatkan di Tawau, Kota Kinabalu, Kuching, Miri, Labuan, Langkawi dan Pulau Pinang.

Pada 13 Jun 2013, Maritim Malaysia juga telah berjaya menghantar sebanyak 10 buah Bot Kilat dari WILUTA dan WILSEL bagi misi penugasan ESSCOM. Bot-bot tersebut berlabuh di Jeti DM4, Klang sebelum dinaikkan ke atas Kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), KD Bunga Mas Enam untuk dibawa ke Wilayah Maritim Sabah dan Labuan.

10 buah Bot Kilat diturunkan dan dikumpulkan di Jeti Pangkalan TLDM Kota Kinabalu sebelum diserahkan semula kepada Maritim Malaysia



Pengarah Operasi Wilayah Sabah dan Labuan, Kepten Maritim Adam Haji Aziz mewakili agensi untuk menerima penyerahan bot-bot tersebut daripada wakil TLDM.



Kesiagaan Operasi

Bagi menentukan semua kapal dan bot yang beroperasi berupaya menjalankan tugas penguatkuasaan di laut berpandukan kepada Perintah Tetap Ketua Pengarah dan *Standard Operating Procedure (SOP)*, Penentuan Tahap Kecekapan Kapal (PTKK) terhadap kapal/bot serta pemeriksaan mengejut di Wilayah, Daerah dan Pangkalan Maritim telah dilaksanakan.

Penentuan Tahap Kecekapan Kapal (PTKK)

Latihan Penentuan Tahap Kecekapan Kapal (PTKK) yang telah dilaksanakan di beberapa wilayah adalah seperti berikut:

WILSAB	KM BANGGI	4 hingga 8 Februari
	KM PINTAR	23 hingga 27 September
	KM PERINGGI	
WILSEL	KM MULIA	4 hingga 8 Mac
	KM TAMBISAN	
WILUTA	KM BURAU	8 hingga 12 April
	KM NYALAU	
	KM SUGUT	30 Jun hingga 4 Julai
WILSAB	KM PINTAR	23 hingga 27 September
	KM PERINGGI	

Jumlah kapal Maritim Malaysia di seluruh Wilayah ialah sebanyak 74 buah. Sejumlah 43 buah kapal pernah menjalani PTKK dengan peratusan 49 peratus. PTKK dilaksanakan dalam 4 fasa iaitu:

1. Pemeriksaan Kelengkapan dan Dokumen.
2. Pemeriksaan Fasa Pelabuhan
3. Pemeriksaan Fasa Laut.
4. Penilaian Kesiagaan Operasi.

Kapal yang terlibat di dalam PTKK diberi tunjuk ajar dalam melaksanakan sesi penggeledahan yang betul mengikut Perintah Tetap Ketua Pengarah dan SOP.

Pemeriksaan Mengejut

Pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan di beberapa Daerah dan Pangkalan. Ia bertujuan bagi menentukan setiap aset yang dimiliki Maritim Malaysia sentiasa bersedia dalam menghadapi apa jua kemungkinan. Selain itu juga, pemeriksaan mengejut ini adalah untuk memastikan SOP dan piagam pelanggan dipatuhi.





WILAYAH	TEMPAT	TARIKH
WILSAR	DM 11	21 hingga 23 Januari
WILTIM	KM LANGKAWI	4 Jun
WILUTA	KM SIANGIN	3 Julai
WILSEL	DM 4	22 Julai
WILUTA	PKLN K. KURAU & DM 2/ KM SIKUATI, KM KIMANIS, KM BURAU	23 dan 24 Julai
WILSEL	PKLN MERSING & DM7	31 Julai
SWASLA	ACC JOHOR	1 Ogos
WILSAB	KM PINTAR KM PERINGGI	23 hingga 27 September

Kenderaan Darat

Kenderaan darat juga tidak kurang pentingnya dalam menggerakkan pasukan sokongan darat bagi mempertingkatkan kemampuan jabatan. Sepanjang tahun 2013, Maritim Malaysia telah menerima 17 buah kenderaan darat iaitu tiga (3) motosikal, empat (4) van, dan enam (6) Hilux untuk penugasan pasukan Maritim Malaysia di ESSCOM secara berperingkat bermula Jun hingga Ogos. Manakala, empat (4) kenderaan MPV jenis Toyota Inova diagih ke Wilayah dan Daerah Maritim.

Senjata

Bagi menyokong keperluan misi penugasan ESSCOM, senjata yang mencukupi dibekalkan untuk membolehkan pasukan sokongan menjalankan tugas mereka di sana. Penghantaran senjata tersebut dibuat secara berperingkat sehingga bulan Disember 2013. Senjata tersebut termasuklah *General Purpose Mesin Gun*, *Riffel UMP*, *Pistol CZ* dan peluru 7.62 mm diagih ke Wilayah, Daerah dan Pangkalan Maritim.

ASET TIDAK ALIH (BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR)

Kemudahan infrastruktur yang berkesan penting untuk menentukan pelaksanaan operasi berjalan dengan lancar. Bagi memastikan keperluan operasi dipenuhi, Maritim Malaysia berusaha untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang terbaik dengan kewujudan pejabat-pejabat baru.

Perpindahan Daerah Maritim Klang (DM4) Baru

Pandangan hadapan pejabat DM 4 Klang baru yang telah siap pengubahsuaian.



Penyediaan Kuarters Bomba Di Kota Kinabalu

Pandangan hadapan pejabat DM15 baru yang telah siap pengubahsuaian.



Kuarters Bomba, Kota Kinabalu ini dengan 40 unit rumah telah diduduki penghuni pertama kakitangan Maritim Malaysia pada 30 April 2011. Penyelenggaraan kuarters ini bermula pada awal bulan Oktober 2013 yang melibatkan kerosakan pada beberapa elemen dan komponen bangunan. Penyelenggaraan tersebut siap sepenuhnya pada 2 Disember 2013.






PENGURUSAN KAPASITI

Pengurusan Modal Insan


Secara umumnya, organisasi Maritim Malaysia mempunyai tiga (3) kategori jawatan iaitu Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Skim Pegawai dan Pegawai Lain-Lain Pangkat (LLP) Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Skim Gunasama dan Kader. Manakala dari segi fungsinya pula, Maritim Malaysia memfokuskan kepada dua (2) program teras iaitu Program Operasi dan Program Latihan.

Sehingga 31 Disember 2013, waran perjawatan berjumlah 5,170 perjawatan meliputi Pengurusan Tertinggi, Pegawai Skim X, Pegawai LLP Skim X, Pegawai Pengurusan dan Profesional Gunasama dan Pegawai Sokongan Gunasama. Rujuk Rajah 1 mengenai kedudukan perjawatan di APMM.



Pengisian Jawatan

Dalam usaha melaksanakan visi dan misi agensi dengan efektif dan berkesan, pengisian jawatan berdasarkan kategori jawatan seperti di Rajah 2.



Sehingga Disember 2013, pengisian secara keseluruhan yang dilaksanakan adalah seramai 4,413 anggota (85.36%). Pengisian perjawatan pengurusan tertinggi telah mencapai 100%, Pegawai Skim X adalah sebanyak 704 anggota (71.18%) dan Pegawai LLP Skim X sebanyak 3,431 anggota (88.61%). Manakala pengisian bagi jawatan Gunasama iaitu P&P adalah sebanyak 111 anggota (87.40%) dan Sokongan adalah sebanyak 163 anggota (91.57%).



Sehingga Disember 2013, terdapat kekosongan sebanyak 757 jawatan berbanding dengan keseluruhan 5,170 perjawatan atau 14.64%. Ia meliputi kekosongan Pegawai Skim X sebanyak 285 jawatan (28.82%), Pegawai LLP Skim X sebanyak 441 jawatan (11.39%), Gunasama P&P sebanyak 16 jawatan (12.60%) dan Gunasama Sokongan sebanyak 15 jawatan (8.43%). Peratusan kekosongan jawatan mengikut kategori adalah seperti dari Rajah 3 :

Rajah 3: Kekosongan Jawatan Amengikut Kategori

Jawatan	Bilangan kekosongan	Peratus kekosongan jawatan
Pengurusan Tertinggi	0	0
Pegawai Skim X	285	37.65
Pegawai LLP Skim X	441	58.26
P&P (Gunasama)	16	2.11
Sokongan (Gunasama)	15	1.98
Jumlah Keseluruhan	757	100



Pengambilan Pegawai dan Anggota Baru

Pada tahun 2013, Cawangan Sumber Manusia telah melaksanakan dua (2) urusan pengambilan pegawai baru satu bagi Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan satu bagi Pegawai LLP.

Bil	Jawatan	Kekosongan Jawatan	Bilangan pengisian
1.	Lt. Muda Maritim Gred X13 Siri 5/2013	63	55
	↳ Lantikan baru		
	↳ Pegawai KPSL (Lt. Muda Maritim X13)		(27) (28)
2.	LK II Maritim Gred X2 Siri 11/2013	200	162
	Jumlah keseluruhan	263	217

Pembangunan Modal Insan


Dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan modal insan pegawai, kursus-kursus wajib selaras dengan keperluan Skim Perkhidmatan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2004 (PP 6/2005) dilaksanakan. Pengurusan pembangunan kompetensi melalui Pelan Operasi Latihan (POL) Maritim Malaysia dengan berpanduan *Training Needs Analysis (TNA)* yang telah diperakui oleh INTAN dan JPA dapai dicapai dengan mengadakan kursus dan latihan dalam memastikan jurang kompetensi dikurangkan.

POL Maritim Malaysia dibangunkan selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2005 meliputi struktur dan program-program latihan yang lebih sistematik dan komprehensif bagi memastikan warga Maritim Malaysia dilengkapi dengan latihan berasaskan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

POL ini menjadi garis panduan agensi dalam melaksanakan program latihan agar selaras dengan struktur latihan yang digubal. Antara objektif-objektif latihan yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i) Menetapkan setiap pegawai dan pegawai LLP Maritim perlu melengkapkan diri/dilengkapkan dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian, melalui pembangunan modal insan yang holistik;
- ii) Menjadikan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia sebagai sebuah organisasi pembelajaran berterusan;
- iii) Menjadikan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia sebagai pusat rujukan yang dihormati dan disegani di peringkat dalam negara dan serantau; dan
- iv) Menentukan pembelajaran yang disediakan menepati keperluan waktu aman dan krisis.

Objektif Latihan POL



Strategi Latihan Maritim Malaysia disesuaikan dengan strategi-strategi yang digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2005. Latihan di Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dilaksanakan dengan menggunakan 3 strategi berikut:

- i) Strategi Jangka Pendek (1 Tahun)
- ii) Strategi Jangka Sederhana (3 Tahun)
- iii) Strategi Jangka Panjang (5 Tahun)

Statistik Pencapaian

i) Kursus dan Latihan Kompetensi

Selaras Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, Pelan Latihan Operasi (POL) telah dirancang dan sebanyak 83% kursus kompetensi telah dilaksanakan melalui perancangan Takwim Kursus 2013. Kursus dan latihan kompetensi dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan pegawai/anggota Maritim Malaysia yang berkebolehan dan berkeupayaan melakukan tugas dengan cekap, berkesan dan menepati standard yang ditentukan. Di samping itu, ia juga bertujuan meningkatkan kemahiran sedia ada dan mendedahkan kemahiran baru bagi meningkatkan kompetensi setiap anggota. Kursus dan latihan kompetensi 2013 yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Kursus dan Latihan Kompetensi

Bil	Kursus	Jumlah Kursus yang dilaksanakan
1.	Kursus Dalam Negeri	90
2.	Kursus Luar Negeri	27
Jumlah		117






ii) **Laporan Pencapaian Tujuh (7) Hari Setahun**

Secara keseluruhan sebanyak 85% berjaya menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun selaras Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005.

iii) **Cuti Belajar**

Peratusan Permohonan Kemudahan Cuti Belajar



iv) **Pengajian Jarak Jauh / Secara Sambilan Dan Cuti Tanpa Rekod (CTR)**

Pada tahun 2013, seramai 20 orang pegawai telah diluluskan mengikuti Pengajian Secara Jarak Jauh/ Sambilan dan Cuti Tanpa Rekod (CTR).

v) **Keputusan Peperiksaan Undang-Undang Rendah 2013**

Seramai 29 orang Laskar Kelas I Maritim dan Laskar Kanan Maritim telah menghadiri kursus undang-undang rendah di AMSAS pada 21 Oktober hingga 20 November 2013. Secara keseluruhan seramai 86% peserta telah lulus dalam peperiksaan tersebut.

vi) **Program Transformasi Minda (PTM)**

Selaras PP Bilangan 14 tahun 2012, seramai 388 orang peserta yang terdiri daripada Skim Gunasama dan Skim Pegawai dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim telah menghadiri Kursus PTM bagi memenuhi salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan seperti jadual berikut:

Statistik Peserta Program Transformasi Minda (PTM)

Bil	Nama Kursus	Tarikh	Bil. Peserta
1	PTM Siri 1/2013 (LLP Siri 10)	18 - 22 Mac 2013	177 orang
2	PTM Siri 2/2013 (LLP Siri 11)	30 Sept - 04 Okt 2013	163 peserta
3	PTM Siri 3/2013) (Pegawai Siri 5 & KPSL)	28 Okt - 01 Nov 2013	48 peserta

vii) **Latihan Praktikal / Industri Di Maritim Malaysia**

Seramai 53 orang pelajar dari IPTA/IPTS telah menjalani Latihan Praktikal. Berikut merupakan pecahan taburan penempatan pelajar dari IPTA / IPTS.

Bil	Wilayah/Cawangan	Jumlah
1	Ibu Pejabat	14
2	Wilayah Maritim Timur	9
3	AMSAS	2
4	Wilayah Maritim Selatan	10
5	Wilayah Maritim Utara	15
6	Wilayah Maritim Sarawak	2
7	Wilayah Maritim Sabah	1
Jumlah Keseluruhan		53


viii) **Kursus Asas dan Kursus Lanjutan**

Bil	Nama Kursus	Bilangan kursus	Status
1.	Kursus Asas	3	27 orang Lt. Muda Maritim 28 orang Lt. Muda Maritim (KPSL) 175 orang LK II Maritim
2.	Kursus Lanjutan	26	627 Pegawai Penguat Kuasa. (183 Pegawai dan 444 Pegawai LLP)
3.	PTM Siri 3/2013) (Pegawai Siri 5 & KPSL)	28 Okt - 01 Nov 2013	Penggunaan fasiliti AMSAS oleh agensi kerajaan berikutan polisi Institut Latihan Awam. Terdapat kursus yang dijalankan pada tahun 2013 melibatkan INTAN, Jabatan Tenaga Kerja dan MITI

Pengurusan dan latihan kompetensi tertumpu kepada Kursus Asas dan Kursus Lanjutan. Kursus Asas merupakan kursus wajib yang perlu dihadiri dan lulus oleh semua anggota/pegawai yang baru dilantik atau dikenali sebagai pelatih. Setiap anggota/pegawai yang dilantik perlulah memastikan kompetensi mereka adalah setara dengan pengetahuan dan kemahiran pangkat / gred yang dilantik. Manakala kursus lanjutan pula merupakan kursus yang meningkatkan kemahiran anggota sedia ada/memberi kursus ulangkaji kepada anggota yang mempunyai kemahiran berkaitan.

Dalam perjalanan ke arah pembangunan modal insan komuniti Maritim yang unggul dan cemerlang, Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) telah menetapkan sasaran sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan dalam bidang Penguatkuasaan dan Carilamat Maritim menjelang tahun 2020. Seiring dengan Visi AMSAS untuk menghasilkan dan melahirkan individu penguatkuasa maritim yang kompetan, AMSAS bercita-cita sebagai pusat pengembangan ilmu yang dapat menggabungkan kepakaran dan kemahiran daripada pelbagai bidang yang sesuai dengan keperluan Agensi dan Negara.

ix) **Kursus-Kursus Lain / Bengkel**

Kursus-kursus lain yang memberi penekanan kemahiran berkaitan dengan penguatkuasaan maritim yang diadakan di luar negara adalah seperti berikut :

➤ **Kursus Menggeledah Bersama United States Coast Guard Di Hai Phong Vietnam**

Latihan *Combined Advanced Boarding Officer Course (CABOC-5)* anjuran US Coast Guard dilaksanakan di Hai Phong, Vietnam mulai 13 hingga 24 May 2013. Objektif kursus bagi meningkatkan keupayaan, mengaplikasikan prosedur teknikal dan taktikal penguatkuasaan maritim dan juga memberi fokus utama terhadap pengurangan risiko, taktik pertahanan, latihan *judgemental*, keberkesanan taktikal, penggunaan kekerasan, teknik take down, prosedur menahan dan teknik pengeledahan berisiko tinggi. Seramai 8 pegawai yang telah dihantar untuk mengikuti kursus tersebut.



➤ Bengkel Pemikiran Strategik Dan Eksesais Penguatkuasaan Maritim



Bengkel Pemikiran Strategik dan Eksesais Penguatkuasaan Maritim diadakan sebanyak 5 kali pada September sehingga November tahun 2013 bermula di WILSEL, WILTIM, WILUTA, WILSAB dan WILSAR. Ia adalah bertujuan untuk mendedahkan kepada anggota Maritim Malaysia mengenai isu-isu terkini maritim bagi memperoleh jalan penyelesaian serta pelan tindakan di dalam operasi yang dijalankan. Di samping itu, peserta dapat memperbaiki kemahiran evolusi kelautan, navigasi, operasi penguatkuasaan maritim serta mengenal pasti tahap *intra-operability* antara aset-aset di semua Daerah Maritim.



➤ Kursus/Bengkel Antarabangsa

Sebanyak 12 kursus dan bengkel dengan pihak Maritim Antarabangsa yang APMM terlibat seperti berikut:

Bil.	Nama Kursus	Tempat
1.	Kursus Asia Coast Guard Junior Officers Course	Jepun
2.	Kursus Maritime Law Enforcement For Countries In Asia & Surrounding Somalia	Jepun
3.	Kursus International Command & Control di Yorktown, Amerika Syarikat	Amerika Syarikat
4.	Kursus Forensic Science, Investigation Procedure & Technique at Crime Scene	Kyushu, Jepun
5.	Kursus Manpower, Personnel, Training and Education (MPT&E)	Amerika Syarikat
6.	Kursus Asia Pacific Center For Security Studies (APCSS) Comprehensive Crisis Management (CCM) di Honalulu, Hawaii	Hawaii
7.	Kursus Maritime SAR, Marine Disaster Prevention & Marine Environment Protector	Yokohama, Jepun
8.	Bengkel Best Practices on Oil Spill Preparedness and Response di Makati City	Filipina
9.	Kursus Tactical Safety & Planning	Kyushu, Jepun
10.	Kursus Underwater Rescue Education	Hiroshima, Jepun
11.	Kursus Environmental Criminal Prosecutions di International Law Enforcement Academy	Bangkok, Thailand
12.	Rescue Diving Training Bersama Japan Coast Guard	AMSAS



Kemajuan Kerjaya

Urusan Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan

1. Kenaikan Pangkat Pegawai dan Pegawai LLP

Bil	Urusan Kenaikan Pangkat	Bilangan Pegawai Yang Berjaya
1	Perakuan Kenaikan Pangkat ke Kepten Maritim Gred X24	4
2	Perakuan Kenaikan Pangkat ke Komander Komander Maritim Gred X22	1
3	Perakuan Kenaikan Pangkat ke Leftenan Komander Maritim Gred X20 (Penerbang)	11
4	Perakuan Kenaikan Pangkat ke Lt Maritim Gred X18	3
5	Perakuan Kenaikan Pangkat ke Pegawai Waran II Maritim Gred X10	12

2. Pemangkuan Pegawai dan Pegawai LLP

Bil	Urusan Kenaikan Pangkat	Bilangan Pegawai Yang Berjaya
1	Perakuan Pemangkuan ke Laksamana Pertama Maritim Gred X26	1
2	Perakuan Pemangkuan ke Kepten Maritim Gred X24	4



3. Kemajuan Pegawai dan Pegawai LLP

Bil	Urusan Kenaikan Pangkat	Bilangan Pegawai Yang Berjaya
1	Perakuan Kemajuan Pangkat ke LK I Maritim Gred X2	174
2	Perakuan Kemajuan Pangkat ke Lt Maritim Gred XI6	61

Maritim Malaysia dalam tahun 2013 telah mencapai sasaran yang ditetapkan dan sentiasa akan memastikan pembangunan modal insan dan kapasiti adalah sentiasa meningkat dan mampan seiring dengan visi, misi dan objektif agensi ini.

PEMBANGUNAN INFOSTRUKTUR

Accrual Accounting Asset

Pengurusan Aset

Sistem e-pelupusan telah dibangunkan hasil kerjasama dengan Cawangan Teknologi Maklumat bagi mendaftarkan segala aset yang telah dilucut hak oleh mahkamah dan seterusnya sehingga proses pelupusan dilaksanakan. Proses pendaftaran ini akan merangkumi kesemua jenis aset lucut hak. Sistem ini akan mula dioperasikan dalam pertengahan tahun 2014.

Dalam urusan pengurusan stor, bilangan stok sepanjang tahun 2013 ialah sebanyak 111,599 dengan nilai jumlah stok RM1,135,353.36 yang berakhir pada 31 Disember 2013.

Agensi juga telah berjaya menganjurkan tiga (3) kursus berkaitan Pengurusan Aset Alih Kerajaan termasuk Kursus Kehilangan dan Hapus Kira dan Pendaftaran Aset Tak Alih (MySPATA) pada tahun 2013.

Bil.	Nama Kursus	Lokasi	Tarikh
1.	Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan Siri 1 Tahun 2013 (Semenanjung)	AMSAS	27 hingga 30 Mei
2.	Kursus Kehilangan dan Hapus Kira Aset Alih Kerajaan Siri 1 Tahun 2013 (Semua)	Institut KWSP, Bangi	26 hingga 28 Jun
3.	Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan Siri 2 Tahun 2013 (Sabah dan Sarawak)	Kota Kinabalu, Sabah	8 hingga 11 Oktober
4.	Taklimat Pendaftaran Aset Tak Alih (MYSPATA)	DM Labuan,	20 Februari

Pemeriksaan pengurusan aset dan stor turut dijalankan oleh Cawangan Naziran/Tim Perintis Pengurusan Aset bersama-sama dengan Tim Pemeriksaan dari Cawangan Kewangan dan Belanjawan. Pemeriksaan ini telah diadakan meliputi wilayah, daerah dan pangkalan terpilih :

Bil.	Lokasi	Tarikh Pemeriksaan
1.	DM Pelabuhan Klang, Selangor	5, 8 dan 9 Julai
2.	DM Tawau, Sabah	29 Julai hingga 1 Ogos
3.	Pejabat WILSAR dan DM Kuching	19 hingga 23 Ogos
4.	DM Labuan, Wilayah Persekutuan	23 dan 24 September
5.	Pejabat WILSAB dan DM Kota Kinabalu, Sabah	25 hingga 28 September

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 14,372 harta modal dan Inventori bernilai RM2,115,876,555.83 telah didaftar dan disahkan ke dalam sistem SPA. Urusan pelupusan aset alih dan alat ganti termasuk aset rampasan yang telah dikeluarkan perintah lucut hak oleh mahkamah yang jumlah nilai perolehan asalnya sebanyak RM21,207,311.47 dan kutipan hasil pelupusan berjumlah RM422,954.04.

Dalam pelaksanaan pelupusan aset-aset, terdapat kaedah pelupusan yang dilaksanakan secara hadiah kepada jabatan-jabatan, pertubuhan dan persatuan yang memohon untuk digunakan sebagai membantu meneruskan kesinambungan fungsi asas tugas harian mereka disamping menjimatkan kos operasi. Terutama persatuan-persatuan nelayan tempatan dan Jabatan Taman Laut Malaysia yang menjadikan kapal-kapal, vesel nelayan yang dilucuthak yang ditenggelamkan sebagai tukun tiruan untuk memajukan dan melindungi biodiversiti hidupan marin di Taman Laut negara yang telah diisytiharkan sebagai pusat pembiakan ikan-ikan dan lokasi selam skuba yang bakal menjadi ikon kepada penyelaman di tukun kapal-kapal tersebut.

Manakala kenderaan kereta yang kaedah pelupusan yang dilaksanakan secara hadiah kepada Sekolah / Kolej Vokasional bagi tujuan untuk pembelajaran.

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (ASET MAYA)

Pada tahun 2013, usaha-usaha diteruskan untuk memantapkan infra dan infostruktur ICT bagi menyokong pencapaian misi dan visi Maritim Malaysia. Tumpuan utama telah diberikan kepada aspek-aspek berikut :

- Peningkatan infrastruktur seperti rangkaian APM*|GovNet serta melengkapkan kemudahan perkakasan ICT seperti server, storan dan komputer peribadi.
- Peningkatan keupayaan infostruktur seperti meningkatkan tahap penggunaan aplikasi maritim utama serta pembangunan aplikasi-aplikasi pengurusan yang baru untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

a) Peningkatan Keupayaan Infrastruktur ICT

i. Rangkaian APMM*IGovNet

Pada tahun 2013, selaras dengan hasrat kerajaan supaya semua agensi menggunakan rangkaian I Gov*Net, usaha memulakan sistem ini semenjak 23 November 2012. I Gov*Net merupakan satu rangkaian bersepadu untuk sektor awam yang disediakan oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri.

Sehingga Disember 2013, sejumlah 19 pejabat telah dipertingkatkan melalui penggunaan talian I GovNet dengan kapasiti talian yang lebih besar berbanding dengan talian MMEA*Net sedia ada. Baki sebanyak 13 lagi pejabat dijangka akan dapat disiapkan pada akhir Februari 2014. Peningkatan kapasiti talian telah menyumbang kepada keupayaan capaian aplikasi dan maklumat yang lebih pantas.

Perbandingan Kapasiti Talian APMM*IGovNet

Lokasi	Kapasiti Talian MMEA*Net Sedia Ada	Kapasiti Talian APMM*IGovNet
Ibu Pejabat	20 Mbps	20 Mbps
Pejabat Wilayah	2 Mbps	6 Mbps
Pejabat Daerah	1 Mbps	6 Mbps
Pejabat Pangkalan	1 Mbps	6 Mbps
AMSAS	4 Mbps	6 Mbps

ii. Perkakasan ICT

Usaha berterusan juga dilaksanakan bagi melengkapkan setiap warga dengan kemudahan capaian ICT. Ini berdasarkan pertambahan pengisian perjawatan, proses pelupusan dan usia perkakasan yang sudah usang dan tidak ekonomik untuk dibaiki.

Di samping itu, konsolidasi Pusat Data Maritim Malaysia juga telah dilaksanakan di mana sebanyak sembilan (9) aplikasi telah dikonsolidasi kepada satu (1) unit fizikal server. Pelaksanaan ini selaras dengan penggunaan teknologi terkini iaitu *virtualization* dan *cloud computing* serta menyokong pendekatan teknologi hijau. Usaha ini telah dapat menjimatkan kos penggunaan tenaga elektrik, peralatan, perisian dan pengoperasian Pusat. Aplikasi-aplikasi secara tidak langsung mempunyai *High Availability* sekaligus meminimalkan masalah *downtime*. Hal yang demikian membolehkan perkhidmatan ICT sentiasa berada pada tahap terbaik.

b) Peningkatan Keupayaan Infostruktur ICT

i. Sistem Pengurusan Dan Penjejakan Kapal /Vessel Tracking And Management System (VTMS V2)

Penambahbaikan aplikasi VTMS V2 telah dapat mempertingkatkan proses kerja operasi penguatkuasaan dari segi penjejakan kapal yang lebih tepat. Bagi meningkatkan tahap penggunaan VTMS secara berterusan beberapa siri latihan telah dilaksanakan sepanjang tahun.

Senarai Latihan Sistem VTMS V2

Bil.	Tarikh Latihan	Pejabat
1	5 - 7 Februari 2013	POMAR Ibu Pejabat
2	13 - 15 Februari 2013	Wilayah Maritim Selatan
3	19 - 20 Februari 2013	Wilayah Maritim Utara
4	21 Februari 2013	Daerah Maritim Pulau Pinang
5	22 Februari 2013	Daerah Maritim Lumut
6	27 - 29 Mac 2013	Wilayah Maritim Sabah
7	1 - 3 April 2013	Daerah Maritim Sandakan
8	16 - 17 Julai 2013	Wilayah Maritim Sarawak
9	18 - 19 Julai 2013	Daerah Maritim Bintulu
10	22 - 23 Julai 2013	Daerah Maritim Miri
11	23 - 26 Ogos 2013	Daerah Maritim Linggi
12	27 Ogos 2013	Wilayah Maritim Selatan
13	28 Ogos 2013	Daerah Maritim Tanjung Sedili

ii. **Pembangunan Pelan Strategik Pengurusan Pengetahuan (PSPP)**

Pada tahun 2013, *blueprint* Pelan Strategik Pengurusan Pengetahuan (PSPP) dalam usaha dibangunkan. Sebagai sebuah learning organisation adalah amat penting, Maritim Malaysia berupaya membangunkan sistem pengurusan pengetahuan secara sistematik untuk:

- Menetapkan halatuju pengurusan pengetahuan di Maritim Malaysia
- Membangunkan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan inisiatif pengurusan pengetahuan berjalan lancar
- Membangunkan modal insan berpengetahuan
- Menerapkan budaya berkongsi pengetahuan dan pengalaman

Sesi Taklimat Menetapkan Halatuju PSPP

iii. Sistem Pengurusan

Pada tahun 2013, bagi meningkatkan keupayaan dari aspek pengurusan dua (2) aplikasi baru telah dibangunkan sejajar dengan Pelan Sumber Manusia dan Pelan Strategik Maritim Malaysia.

- **Sistem Maklumat Latihan (eLatihan)**
Sistem eLatihan dibangunkan bagi membantu Cawangan Sumber Manusia untuk merekod kehadiran kursus dalam pembangunan pelan kerjaya dan kepakaran warga agensi.
- **Sistem Lawatan Ke Luar Negara Urusan Persendirian (MMEA Travel)**
Sistem MMEA Travel dibangunkan untuk memudahkan proses permohonan dan kelulusan keluar negara atas urusan persendirian secara atas talian. Pembangunan sistem ini telah memudahkan pelaksanaan Surat Pekeliling Am Bil 3 Tahun : Peraturan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian di mana kelulusan permohonan anggota untuk ke luar Negara atas urusan persendirian telah diturunkan kuasa kepada Ketua Pengara.

Sistem ini telah mula digunapakai pada Jun 2013. Penggunaan sistem ini telah dapat memudahkan proses permohonan, menjimatkan kos, tenaga dan masa.

- Sepanjang tahun 2013 juga, usaha-usaha untuk mempromosi melalui Laman web rasmi serta media sosial terus dimantapkan dengan kandungan dan rekabentuk yang menarik. Bahan-bahan berbentuk gambar dan rakaman peristiwa penting yang dikumpulkan oleh pasukan multimedia ICT juga dimuat naik ke laman web untuk sebaran.



- v. Maritim Malaysia juga mengorak langkah untuk menggunakan media sosial. Laman facebook Maritim Malaysia dimulakan pada Julai 2013 yang lepas. Sehingga penghujung tahun 2013, ia terus mendapat perhatian pelanggan dengan jumlah hits hampir 3,000 orang.



Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Belanja Mengurus

Peruntukan belanja mengurus bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM417,396,085.00 manakala jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM416,177,682.65 iaitu prestasi perbelanjaan 99.71%. Perincian prestasi perbelanjaan seperti berikut:

i) Prestasi Perbelanjaan Mengikut Peruntukan

Perkara	Peruntukan Kemaskini (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	% Perbelanjaan
Dasar Sedia Ada	412,516,675.00	411,353,488.51	99.72
Dasar Baru	-	-	-
One-Off & Program Khusus	4,879,410.00	4,824,194.14	98.86
Jumlah	417,396,085.00	416,177,682.65	99.71

ii) **Prestasi Perbelanjaan Mengikut PTJ**

Perkara	Peruntukan Kemaskini (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	% Perbelanjaan
Ibu Pejabat	263,312,186.40	262,732,939.47	99.78
Wilayah Utara	20,775,855.00	20,729,794.84	99.78
Wilayah Selatan	15,077,812.00	14,911,188.35	98.89
Wilayah Timur	16,341,558.40	16,239,550.88	99.38
Wilayah Sarawak	16,688,900.00	16,638,124.52	99.70
Wilayah Sabah	33,095,952.00	32,969,509.86	99.62
Pusat Latihan & Akademi	6,530,393.20	6,437,979.03	98.58
PPPM	729,884.00	692,919.21	94.94
Stesen Udara Subang	44,843,544.00	44,827,052.04	99.96
Jumlah	417,396,085.00	416,177,682.65	99.71

Pengurusan Pelanggan & Komunikasi

Maritim Malaysia melalui Unit Perhubungan Awam telah terlibat secara aktif dalam penyampaian dan penyaluran maklumat dengan lebih berkesan (*a better deal*) kepada pelanggan. Ini bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan di samping mengukuhkan imej agensi sebagai agensi penguat kuasa maritim tunggal di negara ini menerusi pengurusan komunikasi dan perhubungan awam yang strategik. Usaha-usaha kepelbagaian publisiti/promosi penjenamaan dan perkhidmatan teras dilakukan menerusi pelbagai program, produk dan aktiviti komunikasi.

Publisiti Dan Promosi

Publisiti dan promosi Maritim Malaysia dilaksanakan menerusi pelbagai program, produk dan aktiviti yang dirancang sama ada di peringkat Ibu Pejabat, Wilayah mahupun Daerah Maritim. Penyaluran maklumat dibuat menerusi pelbagai saluran bagi memastikan setiap mesej publisiti dan promosi boleh mencapai sasaran pelanggan dengan berkesan.

Di sepanjang tahun 2013, sejumlah 4,098 liputan berita telah dilaporkan mengenai kes-kes tangkapan dalam operasi penguatkuasaan dan carilamat maritim, pembangunan sumber manusia, pembangunan aset dan infrastruktur dan program khidmat komuniti (*corporate social responsibility*). Berikut ialah pecahannya:

Publisiti	Jumlah Berita
Media Cetak	2,839
Media Elektronik	642
Media Atas Talian	617



Maritim Malaysia juga menyiarkan 480 berita meliputi 180 berita penguatkuasaan dan carilamat dan 300 berita aktiviti menerusi portal rasmi agensi yang aksesnya terbuka kepada semua pengguna.

Sebanyak 16 temu bual televisyen dan lapan (8) temubual radio yang melibatkan pemimpin di peringkat Ibu Pejabat dan Wilayah Maritim telah diatitkan. Ia menjadi medium yang sangat efektif dalam penyaluran maklumat mengenai dasar agensi sehingga ke akar umbi terutamanya terhadap kumpulan sasar yang berkepentingan. Peluang dibuka kepada penonton dan pendengar untuk berinteraksi dan bertanya soalan serta mengemukakan pandangan dalam mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan Maritim Malaysia.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 84 termasuk satu pameran antarabangsa telah dilaksanakan untuk menerangkan segala tugas, fungsi dan peranan Maritim Malaysia kepada para pengunjung. Maritim Malaysia juga bekerjasama melaksanakan pameran secara bersama (co-organiser) dengan kementerian dan agensi lain seperti Kementerian Belia dan Sukan sempena Hari Belia Negara 2013 di Putrajaya.

Penglibatan	Ibu Pejabat	WILUTA	WILTIM	WILSEL	WILSAB	WILSAR	Jumlah
IPTA & IPTS	1	1			1	1	4
Kerajaan	15	12	8	13	16	13	77
Swasta				1			1
Antarabangsa	2						2
Jumlah Keseluruhan	18	13	8	14	17	14	84

Maritim Malaysia juga telah menyertai pameran *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) 2013* pada 26 hingga 30 Mac 2013 di Pulau Langkawi, Kedah. Penyertaan Maritim Malaysia selaku agensi kerajaan memberi peluang memperkenalkan perkhidmatan agensi ini kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Bagi memastikan keberkesanan program publisiti dan promosi Maritim Malaysia, Unit Perhubungan Awam Maritim Malaysia turut melaksanakan pemantauan berterusan terhadap media cetak, media atas talian dan media elektronik. Pada tahun 2013, sejumlah 4,098 bilangan artikel/berita telah dipantau melalui akhbar, media atas talian dan televisyen serta 45 aduan. Pemantauan secara berterusan ini juga bertujuan untuk memastikan isu-isu berkaitan yang diutarakan melalui media cetak dan elektronik dapat diberi maklumbalas secara tepat dan cepat selaras dengan hasrat kerajaan agar semua isu berkaitan agensi diberi maklum balas segera dalam tempoh 24 jam.




Pengurusan Aduan Awam

Maritim Malaysia memantau dan memberi maklumbalas terhadap segala aduan yang diterima daripada pelbagai sumber termasuklah Biro Pengaduan Awam (BPA), Facebook Rasmi APMM, E-aduan, e-mel, faks, surat ataupun menerusi media sama ada media cetak atau media elektronik. Sebanyak 45 aduan telah diterima sepanjang tahun 2013. 43 aduan telah diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja dan dua diselesaikan melebihi tempoh had iaitu pada hari ke-16 dan hari ke-23 berhubung penguatkuasaan. Kategori aduan dibuat mengikut spesifikasi pengelasan aduan yang telah ditetapkan oleh BPA. Carta aduan seperti di Carta 1, 2, 3 dan 4.


Carta 1



Carta 2




Carta 3



45 Aduan

Carta 4



45 Aduan



JARINGAN KERJASAMA

Jaringan Kerjasama

Dalam usaha memperkasakan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia sebagai agensi penguatkuasaan maritim tunggal di Malaysia, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memastikan tugas dan fungsi Maritim Malaysia menepati visi dan misi yang telah digariskan.

Di antara usaha tersebut ialah melaksanakan jaringan kerjasama meliputi agensi kerajaan dalam dan luar negara yang meliputi aktiviti-aktiviti seperti eksekusi dan penguatkuasaan, latihan, program-program kemasyarakatan serta kunjungan hormat.

Aktiviti Dalam Negara

Operasi Bersepadu Pantai Timur.

Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan Operasi Bersepadu Pantai Timur (OBPT) APMM-DOF Bil.1/2013 bermula 9 hingga 13 September 2013 di perairan Terengganu dan Pahang.

Objektif OBPT ini ialah menguatkuasakan undang-undang maritim iaitu Akta Perikanan 1985 di perairan Pahang dan Terengganu sekaligus meningkatkan kerjasama dua hala antara Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan. Operasi bersepadu ini juga telah meningkatkan keyakinan dan kepercayaan komuniti maritim khasnya para nelayan.



Program Sahabat Maritim

Program Sahabat Maritim dulunya dikenali sebagai Program Jiwa Murni telah diberi penjenamaan semula dan dilancarkan dengan rasminya oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim pada 17 November 2013 di Kampung Tengah, Kuala Rompin Pahang.

Matlamat utama program ini adalah untuk mewujudkan komuniti maritim yang prihatin untuk menjadi 'mata dan telinga' kepada APMR dalam menangani jenayah di laut. Bagi memastikan perairan negara sentiasa selamat, kesedaran, sokongan dan penyertaan yang berterusan pelbagai kelompok masyarakat maritim, agensi-agensi dan syarikat-syarikat maritim terhadap usaha penguatkuasaan undang-undang APMR adalah amat diperlukan.

Pada setiap tahun, Program Sahabat Maritim dilaksanakan di semua wilayah maritim terutamanya di kampung-kampung nelayan yang memerlukan bantuan. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah aktiviti berbentuk kemasyarakatan seperti pembinaan/pembaikan jeti/sekolah/dewan serbaguna, pembersihan persekitaran kawasan kampung, penyampaian jaket keselamatan, sumbangan derma, pertandingan sukan, pemeriksaan kesihatan, dialog dan pameran.

Program-program yang telah dilaksanakan ialah:

Bil	Wilayah	Program
1.	<u>WILUTA</u>	
a.	DM 1. Pangkalan Kuala Perlis. Kg. Kurong Tengar, K. Perlis	13 dan 14 September
b.	DM 2 P.Pinang. Kg. Sungai Tembus, Penaga, Pulau Pinang	16 Jun
c.	DM 3. Pangkalan Kuala Kurau. Kg. Sungai Pungguk, Kuala Trong, Perak	26 Oktober
2.	<u>WILSEL</u>	
a.	DM 4 Kelang. Kg. Tanjong Keramat, Kuala Selangor	4 & 6 Julai
b.	DM 5 Kuala Linggi. Kg. Telok Gong, Melaka	5 Oktober
c.	DM 6. Pangkalan Batu Pahat. Perkampungan Nelayan Parit Jawa, Muar, Johor	15 & 16 Jun
d.	DM 7 Tanjung Sedili. Tanjung Sedili, Kota Tinggi, Johor	21 September
3.	<u>WILTIM</u>	
a.	DM 8 Kuantan. Kampung Tengah, Kuala Rompin, Rompin, Pahang. (LKIM Kuala Rompin)	17 November
b.	DM 9 Kuala Terengganu. Kg. Paya, Marang, Terengganu	5 & 6 Julai
c.	DM 10 Tok Bali. Kg. Surau Lama, Geting, Tumpat, Kelantan	7 Disember
4.	<u>WILSAR</u>	
a.	DM 11 Kuching. Kg. Bruit, Pulau Bruit, Daro, Kuching, Sarawak.	14 & 15 Jun
b.	DM 12 Bintulu. Kg. Baru, Bintulu, Sarawak	9 November
c.	DM 13 Miri. Kg. Batu Satu, Lutong, Kuala Baram, Miri, Sarawak	11 Disember
5.	<u>WILSAB</u>	
a.	DM 14 Labuan. Kg. Palu-Palu, Kuala Penyu, Sabah.	26 Okt 2013
b.	DM 15 Kota Kinabalu. Kg. Rampaian Ulu/Laut, Kota Belud, Sabah	25 Sep 2013
c.	DM 16 Kudat, Kg. Kanibongan, Pitas, Sabah	28 Sep 2013
d.	DM 18 Tawau. Kg. Sg Imam Bombalai, Tawau, Sabah	16 Nov 2013



Program Bersama Media

Jalanan kerjasama dengan agensi-agens media sentiasa menjadi perhatian APMM dalam menyokong strategi komunikasi dilaksanakan dengan berkesan.

Program bersama media bagi tahun 2013 meliputi aktiviti seperti berikut:

Bil	Program	Anjuran	Tarikh
1.	Liputan khas Majalah Japan International Cooperation Agency (JICA) ke Wilayah Selatan.	Ibu Pejabat	7 Januari
2.	Wawancara khas pegawai penguat kuasa APMM berbangsa Cina.	Oriental Daily, Johor Bahru	23 Januari
3.	Wawancara khas Pengarah Operasi Wilayah (WILSEL) - penyeludupan PATI di perairan Johor	Harian Metro, Johor Bahru	23 Januari
4.	Wawancara dan demonstrasi khas maritim sempena Hari Ulang Tahun APMM ke-8.	MHI TV3	12 Februari
5.	Program Dokumentari Pelancongan Antarabangsa – Expedition Robinson	Jabatan Pelancongan Negeri Johor/STIX Television dari Belanda	28 Mei hingga 7 Julai
6.	Liputan media khas sempena Latihan SAREX MALINDO 37/13.	WILSEL	4 Julai
7.	Majlis Berbuka Puasa bersama Media JB	WILSEL	15 Julai

Bil	Program	Anjuran	Tarikh
8.	Sidang Media Kes Kapal Terbakar di Perairan Kukup	WILSEL	20 Julai
9.	Temubual sempena Bertugas pada Hari Raya Puasa	WILSEL	20 Julai
10.	Liputan oleh Berita Harian berkaitan Operasi pada Hari Raya	Daerah Maritim Johor Bharu	5 Ogos

Aktiviti Luar Negara

Program-program antarabangsa yang melibatkan Maritim Malaysia sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

Persidangan/Mesyuarat/Dialog

Persidangan Asian Coast Guard

Persidangan anjuran bersama Maritim Malaysia dan Syarikat Tangent Link ini diadakan bersempena Pameran *Langkawi International Maritime and Aerospace (LIMA) 13* pada 27 Mac 2013 melibatkan pegawai kanan *Coast Guard* negara-negara Asia yang memfokuskan '*Future of Coast Guard Operations in Asia*' selain mengeratkan hubungan antara APM dan agensi luar negara dan bertukar-tukar pengalaman serta kepakaran.

9th HACGAM dan Working Level Meeting

Mesyuarat antarabangsa berkala ini bertujuan membincangkan isu-isu keselamatan maritim di rantau Asia dan kerjasama yang dapat dilaksanakan dalam memperkukuhkan jalinan hubungan antara 16 negara terlibat. Semua delegasi negara diketuai oleh Ketua Agensi atau Timbalan Ketua Agensi berkenaan dan delegasi Malaysia diketuai oleh Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Mesyuarat selama empat hari ini bermula 28 hingga 31 Oktober 2013 di Pattaya, Thailand.

Symposium Program For A Review and Modernization of the GMDSS

Symposium membincangkan permodenan sistem *Global Maritime Distress and Safety System (GMDSS)* seperti *Automatic Identification System (AIS)* dan *COSPAS-SARSAT*. Objektif program ini ialah untuk berkongsi maklumat berhubung pemerhatian dan permodenan sistem GMDSS dan menganalisa laporan yang melibatkan 17 peserta dari 8 buah negara iaitu China, Filipina, Jepun, Indonesia, Korea Selatan, Malaysia, Singapura dan Vietnam yang mana telah membuat perbentangan berkenaan fungsi dan tugas mencari dan menyelamatkan dan permodenan sistem GMDSS sedia ada. Mesyuarat selama tiga hari ini bermula 19 hingga 21 November 2013 di Tokyo, Jepun.

Mesyuarat ASEAN Maritime Transport Working Group (AMTWG) ke-25 di Mandalay, Myanmar

Mesyuarat berkala ini diadakan pada 12 hingga 14 Mac 2013 bagi membincangkan pelbagai topik melibatkan sektor pengangkutan maritim peringkat ASEAN seperti industri perkapalan, pelabuhan, ekonomi, keselamatan maritim, kerjasama serantau dan sebagainya. Mesyuarat ini merupakan inisiatif yang diambil di peringkat antarabangsa bertujuan untuk meningkatkan kerjasama di antara negara serantau bagi menjamin keselamatan pelayaran.

Selain itu juga, mesyuarat/persidangan/seminar antarabangsa lain yang turut dihadiri wakil APMM ialah:

Bil	Perkara	Negara	Tarikh
1.	Ist ASEAN Transport SAR Forum	Indonesia	5 hingga 7 Mac
2.	EU Dialogue: Regional Cooperation On Maritime Security	Korea	10 hingga 13 April
3.	Taklimat Offshore Vessels Asia Pacific 2013	Singapura	14 hingga 18 April
4.	RAPAT Kumpulan Kerja SAR Malindo ke 50/2013	Indonesia	23 hingga 26 April
5.	Workshop on Cooperation in Search and Rescue of a Person and Vessels in Distress in the South China Sea	Vietnam	19 hingga 21 Jun
6.	International Crisis Command and Control Course	Amerika Syarikat	1 hingga 19 Julai
7.	Mesyuarat High Level Committee Malaysia - Thailand	Thailand	19 hingga 21 Ogos
8.	Mesyuarat Thailand-Malaysia Joint Combined Exercise Committee (THAMAL JCEC)	Thailand	22 hingga 24 Ogos
9.	Offshore Patrol Vessel Africe Summit	Nigeria	25 hingga 30 Ogos
10.	Eu-Asia Dialouge: Maritime Security: Lessons Learned From Europe and Asia	United Kingdom	17 hingga 21 September
11.	International Seminar on Capability Building of Maritime Law Enforcement Agencies in Emergencing Countries	Jepun	24 hingga 26 September
12.	Maritime Law Enforcement for Association of South East Asian Nation 2013	China	16 Oktober hingga 5 November
13.	Mesyuarat '9th Heads of Asian Coast Guard Agencies'	Thailand	28 hingga 31 Oktober
14.	Japan Coast Guard Training Center	Jepun	7 hingga 15 November
15.	10th Annual Global Maritime Domain Awareness: Coastal Surveillance 2013	Singapura	11 hingga 13 November
16.	Seminar for Leading Coast Guard Officials in Asean Countries	Jepun	4 November hingga 4 Disember
17.	Symposium For A Review and Modernization of the GMDSS	Jepun	18 hingga 22 November
18.	Mesyuarat Rundingan Tahunan ke-10 Malaysia-Indonesia	Indonesia	18 hingga 20 Disember

Lawatan Kerja Rasmi

Jaringan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan luar negara juga merangkumi lawatan kerja rasmi. Antara lawatan kerja rasmi oleh Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai APMM sepanjang tahun 2013 ialah:

Bil	Agensi Yang Dilawati	Negara	Tarikh
1.	Lawatan Kerja Rasmi ke Agensi Maritim dan Carilamat, Perancis	Perancis	17 hingga 21 Februari
2.	Lawatan Kerja Rasmi ke Christmas Island	Australia	15 hingga 19 Julai
3.	Lawatan Sambil Belajar ke Amerika Syarikat – United States Coast Guard (USCG) dan United State Naval Academy (USNA)	Washington, Amerika Syarikat	7 hingga 12 September

Lawatan/Kunjungan Hormat Delegasi Luar Negara

Maritim Malaysia turut menerima beberapa siri lawatan dan kunjungan hormat daripada pelbagai delegasi agensi luar iaitu seperti berikut:

Bil	Program	Tarikh
1.	Kunjungan RADM David Johnston ACBP Command	5 Mac
2.	Kedutaan Besar Kanada	3 Mei
3.	DSCAM, Special Operations Commander, Australia	13 Mei
4.	Tentera Laut India	28 Mei 23 September
5.	Tentera Laut Perancis	17 Jun
6.	Kedutaan Besar Sepanyol	1 Ogos
7.	Shanghai Maritime Safety Administration (MSA), China	1 Ogos
8.	Perdana Menteri Kanada	5 Okt
9.	Djibouti Coast Guard	20 Dis

Lawatan Perdana Menteri Kanada ke Stesen Udara Maritim Subang merupakan satu penghormatan yang sangat luar biasa kepada Maritim Malaysia. Lawatan beliau bertujuan mengukuhkan lagi hubungan kerjasama sedia ada terjalin antara Kanada dan Malaysia amnya dan Maritim Malaysia khususnya dalam aspek keselamatan, terutamanya isu penyeludupan manusia.

Kerajaan Kanada turut berbesar hati menghadiah dua bot peronda 'Bay Class' kepada Maritim Malaysia bagi membantu operasi terutamanya bagi mengekang jenayah penyeludupan manusia. Proses menandatangani MOU antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Kanada sedang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri. Oleh yang demikian, kehadiran T.Y.T Stephen Harper ke Malaysia amnya dan Maritim Malaysia khususnya merupakan satu peluang untuk menjalinkan kerjasama keselamatan yang cemerlang di antara kedua-dua negara.



Eksesais

Eksesais Bersama Maritim Malaysia dan *Japan Coast Guard* Siri 1/2013 telah diadakan di Wilayah Maritim Timur di sekitar Perairan Kuantan, Pahang dari 17 hingga 21 September 2013 bertujuan untuk meningkatkan *inter-operability* Maritim Malaysia dengan *Japan Coast Guard* melalui aktiviti “*maritime interception operations, martial arts training dan subject matter expert exchange*”.

Eksesais Maritim Malaysia & Japan Coast Guard 2013



Eksesais Seaex Thamal 56/2013 (22-28 Ogos 2013)



**Eksesais Southeast Asia Cooperation Against Terrorism (Sea-Cat)
(2-13 September 2013)**



Operasi Bersepadu (Patkor Optima)

Operasi Patkor Optima merupakan operasi bersepadu antara dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia. Malaysia diwakili Maritim Malaysia, TLDM, Tentera Udara DiRaja Malaysia, Pasuka Gerakan Udara – Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan sementara di pihak Indonesia diwakili TNI Angkatan Laut, Departemen Perhubungan, Departemen Keuangan, Departemen Kelautan dan Departemen Perikanan.

Dua operasi PATKOR OPTIMA diadakan iaitu pada 27 Mei 2013 hingga 10 Jun 2013 dan 10 November 2013 hingga 24 November 2013 yang mana majlis pembukaannya berlangsung di Batam, Indonesia dan majlis penutupannya pula diadakan di Pulau Pinang, Malaysia.

Tujuan operasi ini adalah untuk menentukan keamanan dan keselamatan di kawasan perairan Selat Melaka. Perkara yang diberi perhatian adalah kegiatan pelanunan, mencegah penyeludupan senjata, dadah, barang-barang kawalan serta pendatang asing tanpa izin.

Operasi bersepadu ini juga menerapkan nilai-nilai murni dan kebajikan (Jiwa Murni/Aktiviti Sosial) dengan pengisian program lawatan ke rumah anak-anak yatim 'Panti Asuhan Al Muta'allim' Tanjung Sengkuang Batam, Indonesia dan 'Pusat Jagaan Nasyiatul Aiyiyah' Balik Pulau, Pulau Pinang.





HALA TUJU



Hala Tuju

Pada tahun 2014, Maritim Malaysia menggariskan hala tuju yang berasaskan pengukuhan keamanan dan kesejahteraan di perairan negara yang disokong oleh inisiatif strategik dalam meningkatkan keupayaan agensi meliputi aspek pengukuhan organisasi, penguatkuasaan dan carilamat. Pengukuhan keamanan dan kesejahteraan di Zon Maritim Malaysia (ZMM) yang berterusan dijangka akan meningkatkan lagi keyakinan dan keselesaan para pelanggan untuk menjalankan perniagaan domestik dan antarabangsa.

Zon Maritim Malaysia Yang Aman dan Terkawal. Keamanan dan keselamatan ZMM yang terkawal akan dipertingkatkan menerusi kaedah penguatkuasaan yang cekap, responsif serta mendatangkan kesan deteren khususnya pengurangan atau sifar kejadian pelancongan dan rompakan di laut, pencerobohan agensi penguatkuasaan maritim asing ke dalam perairan negara, pencerobohan nelayan asing ke dalam Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia, penyeludupan pasir dan contraband di titik panas yang dikenal pasti, pendatang tanpa izin, pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran dan kejadian *ship to ship activities*.





Perkhidmatan Carilamat Maritim dan Bantuan Bencana Yang Berkesan. Kecekapan dan ketangkasan dalam operasi mencari dan menyelamatkan akan dipertingkatkan lagi selaras memenuhi keperluan Maritim Malaysia sebagai peneraju koordinasi Mencari dan Menyelamat (SAR) Maritim Kebangsaan dan Penyelaras Bencana Laut.

Sebuah Angkatan Yang Seimbang dan Berkesan. Pengisian perjawatan, perolehan aset, infrastruktur dan infostruktur akan terus diberi tumpuan sesuai dengan unjuran dan peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan bagi memenuhi keperluan agensi dalam mendukung misi Maritim Malaysia.

Pengurusan Organisasi Yang Berkesan. Inisiatif pengurusan organisasi akan dimantapkan lagi bagi menjayakan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang, carilamat dan bantuan bencana. Penguatkuasaan pengurusan organisasi adalah berlandaskan kriteria-kriteria penarafan *Star Rating* (Indeks Penarafan Bintang), Indeks Akauntabiliti dan ezSNAP. Kesemua kriteria akan dinilai untuk mengukur keseluruhan prestasi pengurusan organisasi di samping mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilaksanakan.



Pengurusan Logistik Yang Berkesan. Keperluan logistik seperti kapal, bot dan pesawat udara akan diuruskan secara dinamik dan efisien bagi mendukung keperluan operasi dan meningkatkan keberkesanan serta kecekapan organisasi. Kesiagaan operasi kapal ditetapkan pada 70%, kesiagaan operasi bot pada 80% dan kesiagaan pesawat udara pada 75%.

Mewujudkan Persefahaman, Kerjasama Dengan Stakeholders, Pelanggan dan Rakan Kongsi. Kerjasama erat dijalinan dengan *stakeholders* dan pelanggan supaya agensi dapat memenuhi kehendak pelanggan dan *stakeholders* dengan sebaik mungkin. Di samping itu, jalinan kerjasama yang erat dengan rakan kongsi ditingkatkan supaya dapat membangunkan agensi.



Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan Yang Terampil. Pengurusan dan pembangunan sumber manusia yang dinamik dipertingkatkan supaya dapat mengekalkan modal insan profesional yang memiliki nilai-nilai individu, organisasi dan mengamalkan budaya maritim. Pelaksanaan latihan mengikut Pelan Operasi Latihan yang ditetapkan akan dipertingkatkan.

Mengoptimumkan Sumber Pasukan Simpanan Sukarelawan Malaysia (PSSMM) dan Pasukan Bantuan Maritim Malaysia (PBMM). PSSMM dan PBMM akan menjadi pasukan sokongan kepada agensi. Pada tahun 2014, jawatankuasa dibentuk untuk mengkaji pewujudan PSSMM dan PBMM.

Pengurusan Kewangan Yang Efektif dan Efisien. Perolehan belanjawan ditingkatkan untuk melaksanakan tugas dan fungsi Maritim Malaysia. Pencapaian eSistem Audit Penampilan (ezSNAP) disasarkan lebih daripada 90% dan selari dengan penilaian audit.



IMBASAN 2013

Januari



1. **8 JANUARI** - PERHIMPUNAN BULANAN APMM
2. **9 JANUARI** - MAJLIS ANUGERAH CEMERLANG MERS 999 HOLIDAY VILLA MELAKA
3. **9 JANUARI** - PENYERAHAN ARAHAN KETUA PENGARAH APMM CAWANGAN SIASATAN DAN JENAYAH MARITIM KEPADA KETUA PENGUAT KUASA WILAYAH MARITIM
4. **9 JANUARI** - TEMURAMAH WARTAWAN JAPAN COAST GUARD KE ATAS KETUA PENGARAH APMM

Januari



5. **16 JANUARI** - LAWATAN MIMA TRAINING COURSE KE ATASTIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
6. **16 JANUARI** - TAKLIMAT MERS 999 - AUDITORIUM APMM TINGKAT II, PUTRAJAYA
7. **22 JANUARI** - PERBINCANGAN PENUBUHAN PELAPES UPNM BERSAMA KETUA PENGARAH APMM
8. **31 JANUARI** - PERBARISAN TAMAT LATIHAN PEGAWAI PENGUATKUASA APMM SIRI 5 - 2013

Februari



1. **5 FEBRUARI** - PERHIMPUNAN BULANAN APMM
2. **6 FEBRUARI** - WAWANCARA BERSAMA MEDIA BERNAMA DI PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
3. **12 FEBRUARI** - SIARAN LANGSUNG MALAYSIA HARI INI BERTEMPAT DI PELABUHAN KLANG BERSAMA TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
4. **14 FEBRUARI** - LAWATAN TENTERA THAILAND KE ATAS TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)

Februari



5. **16 FEBRUARI** - SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN APMM KE 8 DI PUSAT LATIHAN AKADEMI MARITIM MALAYSIA (PLAMM)
6. **27 FEBRUARI** - RAPTAI SEMPENA PERASMIAN PUSAT LATIHAN AKADEMI MARITIM MALAYSIA (PLAMM)

Mac



1. **2 MAC** - MAJLIS SANTAPAN BERSAMA KEBAWAH DULIYANG MAHA MULIA SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MU'ADZAM SHAH
2. **2 MAC** - PERLETAKKAN KAPSUL MASA UNTUK AKADEMI MARITIM SULTAN AHMAD SHAH SEMPENA PERASMIAN AKADEMI MARITIM SULTAN AHMAD SHAH (AMSAS)

Mac



3. **2 MAC** - PERASMIAN AKADEMI MARITIM SULTAN AHMAD SHAH (AMSAS) GEBENG KUANTAN
4. **4 MAC** - LAWATAN JAPAN COAST GUARD
5. **6 MAC** - LAWATAN REAR ADMIRAL DAVID JOHNSTON (AUSIE BORDER PROTECTION CMMD)
6. **12 MAC** - WAWANCARA PENGARAH CAWANGAN OPERASI UDARA BERSAMA BERNAMA TV

Mac



- 7. **18 MAC** - LAWATAN INDIAN COAST GUARD
- 8. **23-27 MAC** - SOROTAN LIMA 2013

April



- I. **4 APRIL** - EKSESAIS SEAEX THAMAL 56/2013

April



2. **10 APRIL** - LAWATAN NATIONAL DEFENCE UNIVERSITY (NDU) PAKISTAN
3. **11 APRIL** - CERAMAH MODAL INSAN OLEH USTAZ JEMPUTAN

Mei



1. **13 MEI** - LAWATAN CUSTOMS & BORDER PROTECTION SERVICE AUSTRALIA, MAJOR GENERAL PETER GILMORE

Mei



2. **14 MEI** - MASYUARAT OPERASI I-2013 DI RESORT WORLD, KIJAL TERENGGANU
3. **16 MEI** - LAWATAN PEGAWAI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA KE IBU PEJABAT APMM
4. **17 MEI** - UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK APMM DI AMSAS
5. **21 MEI** - TAKLIMAT DARI CAWANGAN PENTADBIRAN DAN KEURUSETIAAN UNTUK PEMBANTU KHAS DAN PEGAWAI TADBIR

Mei



6. **22 MEI** - LAWATAN DELIGASI JAPAN COAST GUARD (JICA)
7. **23-25 MEI** - PAMERAN SEMPENA HIMPUNAN JUTAAN BELIA PUTRAJAYA
8. **28 MEI** - LAWATAN CHIEF NAVAL INDIA KE ATAS KETUA PENGARAH APMM
9. **28 MEI** - LAWATAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, YANG BERHORMAT DATO' SRI DR. SHAHIDAN KASIM KE APMM

Jun



1. **5 JUN** - KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS KETUA POLIS NEGARA OLEH PENGURUSAN TERTINGGI APMM
2. **6 JUN** - TAKLIMAT DAN PERSEMBAHAN PAKAIAN UNIFORM APMM
3. **7 JUN** - LAWATAN EMBASSY FRANCE, ADMIRAL PATRICK CHEVALLEREAU
4. **13 JUN** - KURSUS PENULISAN DAN KEWARTAWANAN ANJURAN UNIT PERHUBUNGAN AWAM IBU PEJABAT DI AMSAS, GEBENG, KUANTAN

Jun




5. **19 JUN** - SEMINAR MALAYSIA-US (BITACG) HOTEL SWISS GARDEN, KUALA LUMPUR
6. **27 JUN** - TAKLIMAT PENDAFTARAN KUIZ PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) BAGI ANGGOTA APMM
7. **27 JUN** - TEMURAMAH TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI) BERSAMA MEDIA TV3
8. **28 JUN** - KURSUS ASET ANJURAN CAWANGAN NAZIRAN DAN AUDIT DI BANGUNAN KWSP BANGI

Jun



9. **29 JUN** - PENYERAHAN PINGAT DAULAT KEPADA ANGGOTA APMM YANG TERLIBAT DALAM OPS DAULAT LAHAD DATU

Julai



1. **6 JULAI** - PERTANDINGAN GOLF MASTER TAHUN 2013 ANJURAN KELAB GOLF APMM
 2. **8 JULAI** - PENYERAHAN BINGKISAN HARI RAYA KEPADA KETUA PENGUAT KUASA WILAYAH DAN PENGARAH CAWANGAN

Julai



3. **10 JULAI** - PROGRAM JIWA MURNI DI DAERAH MARITIM 4 KLANG
4. **12 JULAI** - MAJLIS PEMBUNGKUSAN BINGKISAN RAYA OLEH BAKTI
5. **14 JULAI** - RAKAMAN DAPUR PANAS DAN SAMBUTAN HARI RAYA DIATAS KM MARLIN
6. **15 JULAI** - MAJLIS PENYERAHAN BINGKISAN RAYA SUMBANGAN BAKTI KEPADA KETUA PENGARAH APMM

Julai



5. **16 JULAI** - KELAB PUSPANITA KECIL APMM MENYEDIAKAN BINGKISAN BUNGKUSAN HARI RAYA KEPADA ANGGOTA BERTUGAS SEMASA HARI RAYA
5. **16 JULAI** - LAWATAN KEBAJIKAN KETUA PENGARAH KEPADA ANGGOTA DAN ANAK WARGA APMM
6. **17 JULAI** - MAJLIS PELANCARAN NILAI ORGANISASI DAN NILAI INDIVIDU APMM
7. **29 JULAI** - ANGGOTA KAPAL KM BANGGI BERBUKA PUASA BERSAMA KETUA PENGARAH APMM

Ogos



- 1 & 2 **I OGOS** - LAWATAN DELEGASI COAST GUARD CHINA MSA KEPADA KETUA PENGARAH APMM DAN STESEN UDARA SUBANG
3. **I OGOS** - LAWATAN DELEGASI SPANISH INTEGRAL ELECTRONIC SURVEILLANCE SYSTEM (SIVE), MS. MARIA BASSOLS DELGADO
4. **I OGOS** - MAJLIS CERAMAH AGAMA DAN KHATAM AL-QURAN

Ogos



5. **2 OGOS** - SUMBANGAN BINGKISAN HARI RAYA DARI MISC KEPADA APMM
6. **15 OGOS** - LAWATAN DELEGASI THAILAND KE ATAS TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
7. **20 OGOS** - LAWATAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR KE ATAS KETUA PENGARAH APMM
8. **21 OGOS** - MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI BERSAMA JABATAN PERDANA MENTERI DI PICC

Ogos



9. **22 OGOS** - SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI DI PERKARANGAN IBU PEJABAT APMM PUTRAJAYA

10. **29 OGOS** - RAPTAI HARI KERMERDEKAAN

11. **31 OGOS** - SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-58 31 OGOS 2013 BERTEMPAT DI DATARAN MERDEKA

September



1. **6 SEPTEMBER** - PEBARISAN TAMAT LATIHAN PEGAWAI LAIN-LAIN PANGKAT (LLP) SIRI 10/2013
2. **9 SEPTEMBER** - PERASMIAN OBPT APMM-DOF 2013
3. **10 SEPTEMBER** - SIDANG MEDIA YANG BERHORMAT DATUK SRI HJ SHAHIDAN KASIM MENGENAI PENAHANAN BOT NELAYAN VIETNAM OLEH ANGGOTA-ANGGOTA DAERAH MARITIM 10 TOK BALI
4. **23 SEPTEMBER** - LAWATAN CHIEF OF NAVAL STAFF INDIAN NAVY KE IBU PEJABAT APMM

September




5. **26 SEPTEMBER** - KURSUS BERSKALA BESAR MERAWAT 4 PENYAKIT

Oktober



1. **1 OKTOBER** - PERASMIAN KOMPLEKS MARITIM MALAYSIA MUARA TEBAS, SARAWAK OLEH TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK PATINGGI ABANG HAJI MUHAMMAD SALAHUDDIN ABANG BARIENG
2. **3 OKTOBER** - PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA DUA ANGGOTA APMM DAERAH MARITIM IO TOK BALI, KELANTAN OLEH MENTERI KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Oktober



- 3 & 4 **5 OKTOBER** - LAWATAN PERDANA MENTERI KANADA KE STESEN UDARA SUBANG & PERTANDINGAN BOWLING APMM BERTEMPAT DERAM BOWL, NILAI, NEGERI SEMBILAN
5. **22 OKTOBER** - PERTANDINGAN KUIZ PERMODALAN NASIONAL BERHAD DI DEWAN SRI ENDON, PUTRAJAYA
6. **23 OKTOBER** - LAWATAN MENTERI AUSTRALIA SCOTT MORRISON KE ACC KLANG

Oktober



7. **26 OKTOBER** - PROGRAM JIWA MURNI KAMPUNG JIWA, KUALA PENYU, SABAH
8. **30 OKTOBER** - PELUPUSAN DAN PEMBAKARAN PIL KHAYAL DAERAH MARITIM 5 KUALA LINGGI

November



- I. **1 NOVEMBER** - MAJLIS PENYERAHAN BOT NELAYAN OLEH TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI) APMM KEPADA PEMILIK DI ATAS KAPAL KM MARLIN, LUMUT, PERAK

November



2. **7 NOVEMBER** - LAWATAN TAIPEI KE ATAS KETUA PENGARAH APMM
3. **11 NOVEMBER** - TEMUDUGA UJIAN FIZIKAL DARI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
4. **17 NOVEMBER** - PROGRAM PELANCARAN SAHABAT MARITIM DI KUALA ROMPIN, PAHANG
5. **21 NOVEMBER** - LAWATAN DELEGASI AUSTRALIA KE ATAS KETUA PENGARAH APMM

November



6. **25 NOVEMBER** - MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT KETUA PENGUAT KUASA WILAYAH DAN DAERAH MARITIM OLEH KETUA PENGARAH APMM

Disember



1. **10 DISEMBER** - LAWATAN DAN MESYUARAT AUSTRALIAN CUSTOMS AND BORDER PROTECTION SERVICE (ACBPS) BERSAMA APMM DI DAERAH MARITIM 5 KUALA LINGGI
2. **17 DISEMBER** - PERBARISAN TAMAT LATIHAN PEGAWAI SIRI 6/2013

Disember



3. **18 DISEMBER** - MESYUARAT INDEKS PRESTASI UTAMA (KPI) DI IBU PEJABAT APMM PUTRAJAYA
4. **19 DISEMBER** - UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK SENJATA KECIL DI LAPANG SASAR PENJARA KAJANG
5. **20 DISEMBER** - LAWATAN COMMANDANT OF DJIBOUTI COAST GUARD & JICA KE ATAS KETUA PENGARAH APMM
6. **20 DISEMBER** - SIDANG MEDIA PENUBUHAN UNIT FORENSIK APMM BERSAMA UKM DAN JICA



Anugerah Cemerlang

dianugerahkan kepada
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

atas pencapaian
Penarafan 5 Bintang

dalam

Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2013

Tan Sri Dr. Ali Bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara

Datuk Badlisham Bin Ghazali
Ketua Pegawai Eksekutif
Multimedia Development Corporation

PENASIHAT

Yang Berbahagia Encik Samsuni Bin Mohd Nor
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

KETUA PENGARANG

Puan Faridah Binti Shuib
(Ketua Unit Perhubungan Awam)

PENGARANG KEAMANAN DAN KESELAMATAN

Lt. Maritim Siti Khairunnisak bin Abd Aziz
(Cawangan C3I)

PENGARANG PENGURUSAN KAPASITI

Encik Ahmad Azizuddin Bin Abd. Karim / Lt Maritim Mohd Fairusnizam bin Abdul Razak
(Cawangan Sumber Manusia / Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah)

PENGARANG KEUPAYAAN DAN KESIAGAAN

Lt. Maritim Suhaili binti Deraman
(Cawangan Logistik - Kejuruteraan)

PENGARANG JARINGAN KERJASAMA

Lt. Maritim Muzafera binti Mukholit
(Cawangan Perancangan Strategik & Dasar Maritim Antarabangsa)

PENGARANG PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Lt. Kdr Maritim Fadzliana binti Fadzil
(Unit Perhubungan Awam)

PENGARANG HALA TUJU 2014

Encik Mohd Azmi bin Isa
(Cawangan Pentadbiran dan Keurusetiaan)

IMBASAN

BM (M) Abdul Razak bin Ibrahim
(Unit Perhubungan Awam)
LK (M) Ismail bin Yakop
(Unit Perhubungan Awam)

PENTADBIRAN

BK (M) Md Khidzri bin Mia Abdullah
(Unit Perhubungan Awam)
BM (M) Ishak bin Zainal Abidin
(Unit Perhubungan Awam)

